

PEMBANGUNAN PROFESIONALISME GURU SENI BUDAYA SEKOLAH
MENENGAH PERTAMA DI BANDAR MAKASSAR INDONESIA

KASMAWATI ABBAS

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah (Pendidikan dan Pembangunan)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2015

DEDIKASI

Hasil karya ini saya dedikasikan buat:

Keluarga yang tercinta,

Ayahanda Hi. Abbas Bengnga dan ibunda Hj. Hamidah serta kakak beradikku iaitu; Asmiati Abbas, Hi. Jamal Abbas, Hi. Ahmadi Abbas dan juga adikberadik ipar saya iaitu; Hj. Kristiani dan Hj.Yulia yang sentiasa turut mendoakan atas kejayaan ini.

Teristimewa untuk Anakku tersayang Aisyah Yulinda Sari yang selalu turut serta mendoakan dan ikhlas ditinggalkan sementara masa untuk kejayaan bundanya menuntut ilmu di negeri jiran hingga boleh menyiapkan penulisan ini.

“KEJAYAAN INI MILIK KITA BERSAMA”

PENGHARGAAN

Alhamdulillah Wa Syukurillah, segala ucapan puji dan syukur yang tidak terhingga di atas izin dan kehendakNya, kerana telah mengurniakan hikmat untuk saya terus berada dalam iman dan Islam serta memberikan tunjuk ajar dalam menyiapkan kajian dan penulisan tesis ijazah doktor falsafah ini dengan jayanya.

Setulus penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penyempurnaan kajian ini secara langsung mahupun tidak. Terutama kepada Dr. Hj. Zainudin Bin Hj. Hassan selaku penyelia, pembimbing, pemotivasi dan pendidik yang telah memberikan tunjuk ajar, nasihat dan panduan yang diberikan sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Jutaan terima kasih di atas segala bimbingan, amanat, tunjuk ajar dan buah fikiran yang telah dititipkan dalam menyiapkan tesis ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada Gubernur Provinsi Sulawesi Selatan Bapak Dr. H. Syahrul Yasin Limpo, SH., MH., M.Si yang telah memberikan pembiayaan dalam perkuliahan ini. Begitu juga kepada Ketua Jabatan Dinas Pendidikan Bandar Parepare, ketua Jabatan Dinas pendidikan Bandar Makassar, para Pengetua SMP, dan rakan Guru Seni Budaya SMP serta rakan-rakan seperjuangan, terima kasih yang tak terhingga di atas bantuan fizikal, sumbangan idea dan sokongan moral anda. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada ketiga penilai iaitu Prof. Dr. Mohamed Najib Abdul Ghafar, Prof. Dr. Andi Agustang, M.Si dan Prof. Dr. Baharuddin Aris atas penilaian dan komen yang membina. Mudah-mudahan Allah SWT memberkati hidup dan membalas budi baik kalian serta memberikan limpahan rahmat dan kasih sayangNya kelak di alam akhirat nanti. Amin.

Semoga ilmu yang terkandung dalam tesis ini dapat dikongsi dan disebarikan serta sentiasa manfaatnya berpanjangan bagi dunia dan akhirat. Insha Allah!

ABSTRAK

Kerajaan Indonesia berupaya untuk meningkatkan kualiti guru dengan mewajibkan guru memiliki kelayakan akademik, kecekapan, sijil pendidikan, jasmani dan rohani yang sihat, serta memiliki kemahiran untuk memenuhi matlamat Pendidikan Kebangsaan. Namun, pada amnya, ramai guru yang belum memenuhi kelayakan tersebut. Guru seni budaya masih ramai belum memiliki kebolehan dan kemahiran dalam pelaksanaan proses pembelajaran dan pengajaran meskipun guru berijazah. Hal demikian menjadi permasalahan disebabkan guru belum menunjukkan kebolehan profesionalisme yang dimiliki dalam pengajaran. Kajian ini bertujuan untuk memahami dan meneroka pelaksanaan proses pembangunan profesionalisme guru seni budaya di Bandar Makassar Indonesia. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti proses pembangunan profesionalisme guru seni budaya melalui pengalaman semasa pra-perkhidmatan, dalam-perkhidmatan dan penyeliaan dalam pembangunan kecekapan profesional berkaitan aspek kecekapan pedagogi, keperibadian, profesional dan sosial. Reka bentuk kajian kualitatif dengan pendekatan etnografi digunakan untuk meneroka dan memahami fenomena ini. Sumber data dalam kajian ini diperolehi daripada temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Seramai 31 orang peserta yang terdiri daripada 25 orang guru seni budaya, 5 orang pengetua sekolah dan seorang penyelia guru seni budaya sekolah menengah telah ditemu bual secara individu dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa arahan-kendiri guru memainkan peranan yang penting dalam pembangunan profesionalisme guru seni budaya. Pelbagai latihan yang diikuti oleh guru seni budaya secara sukarela dapat meningkatkan tahap pendidikan, kecekapan, pengetahuan dan kemahiran guru. Model Pembangunan Profesional Guru Seni Budaya boleh digunakan sebagai panduan dalam pembangunan profesionalisme guru di Indonesia.

ABSTRACT

The Indonesian government seeks to improve the quality of teachers by requiring them to have academic qualification, competency, education certificate, good physical and spiritual health, and the skill to achieve national education goal. However, in general, there are many teachers do not meet these qualifications. Many art and culture teachers still do not have the abilities and skill in the implementation process of learning and teaching even though the teachers are degree holders. It becomes problematic because teachers do not show professionalism ability in teaching. This research aims to understand and explore the implementation of the professional development process of art and culture teachers in the City of Makassar, Indonesian. This study was conducted to identify the art and culture teachers professional development process through pre-service experience, in-service and supervision in professional competency development related to pedagogical, personality, professional and social competencies. A qualitative research design using an ethnographic approach was used to explore and understand this phenomenon. The source of data in this research was obtained through interviews, observation and document analysis. A total of 31 Participants consisting of 25 art and culture teachers, 5 principals and a cultural arts secondary school teachers supervisor were interviewed individually through purposive sampling technique. The findings indicated that teachers self-direction plays an important role in the professional development of art and culture teachers. Variety of exercises followed by voluntary of art and culture teachers can raise the level of education, competency, knowledge and skill of teachers. Model of Art and Culture Teacher Professionalism Development can be used as a guide in the professionalism development of teachers in Indonesian.

KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xvi
	SENARAI RAJAH	xvii
	SENARAI SINGKATAN DAN AKRONIM	xviii
	SENARAI LAMPIRAN	xx
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	4
	1.3 Pernyataan Masalah	9
	1.4 Objektif Kajian	12
	1.5 Persoalan Kajian	12
	1.6 Rasional Kajian	13
	1.7 Kepentingan Kajian	14
	1.7.1 Guru Seni Budaya	14
	1.7.2 Pengetua Sekolah	15

	12
1.7.3 Pejabat Pendidikan	15
1.8 Skop dan Batasan Kajian	15
1.8.1 Sampel Kajian	16
1.8.2 Instrumen Kajian	16
1.8.3 Analisis Kajian	17
1.9 Kerangka Teori Kajian	17
1.9.1 Teori Pembangunan Guru	17
1.9.2 Pra-perkhidmatan (<i>Pre-service</i>)	20
1.9.3 Dalam-perkhidmatan (<i>In-service</i>)	22
1.9.4 Penyeliaan (<i>Supervision</i>)	23
1.9.5 Kecekapan Guru	23
1.10 Defenisi Istilah dan operasional	25
1.10.1 Pembangunan Profesional	26
1.10.2 Pembangunan Profesional Guru	27
1.10.2.1 Fasa Pra-perkhidmatan	28
1.10.2.2 Fasa dalam-perkhidmatan	28
1.10.2.3 Fasa Penyeliaan	28
1.10.3 Kecekapan Guru	29
1.10.3.1 Kecekapan Pedagogi	30
1.10.3.2 Kecekapan Keperibadian	31
1.10.3.3 Kecekapan Profesional	31
1.10.3.4 Kecekapan Sosial	32
1.10.4 Guru Seni Budaya	33
1.10.5 Sekolah Menengah Pertama	34
1.11 Penutup	35
2 SOROTAN KAJIAN	36
2.1 Pengenalan	36
2.2 Pembangunan Profesional	36
2.2.1 Pembangunan Profesional Guru	37
2.2.2 Paradigma Pembangunan Profesional Guru	39
2.2.3 Isu Pembangunan Profesional Guru di Indonesia	41

		13
2.2.4	Pembangunan Pengetahuan dan Kemahiran Guru	42
2.2.5	Pembangunan Dalam Sikap dan Proses Perubahan Guru	43
2.3	Teori-teori Pembangunan	46
2.3.1	Teori Pembangunan Guru, Fuller (1969)	46
2.3.2	Teori Pembangunan Guru, Fuller dan Brown (1975)	47
2.3.3	Teori Pembangunan Guru, Burden (1979)	48
2.3.4	Teori Pembangunan Guru, Chan (2002, 2004)	50
2.4	Model Pembangunan Profesional Guru	51
2.4.1	Meta-Analisis Model Pembangunan Guru	56
2.5	Ciri-ciri Pembangunan Profesional Guru Berkesan	57
2.6	Pembangunan Profesional Guru di Indonesia	60
2.6.1	Polisi Pembangunan Profesional Guru di Indonesia	61
2.6.2	Kualiti Pembangunan Profesional Guru di Indonesia	63
2.6.3	Strategi Pembangunan Profesional Guru di Indonesia	65
2.7	Ciri-ciri Pengajaran dan Pembelajaran Seni Budaya	68
2.8	Kajian-kajian Lepas Mengenai Pembangunan Profesional Guru	71
2.9	Penutup	78
3	METODOLOGI KAJIAN	79
3.1	Pengenalan	79
3.2	Reka Bentuk Kajian	80
3.2.1	Kajian Kualitatif	80
3.2.1.1	Rasionalisasi Kajian Kualitatif	82
3.2.2	Kajian Etnografi	83
3.3	Persampelan Kajian	84
3.3.1	Teknik Sampel	84
3.4	Lokasi Kajian	85
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	86
3.5.1	Temubual	87

		14	
	3.5.1.1	Protokol Temubual	88
	3.5.1.2	Kesahan Soal Temubual	90
	3.5.2	Pemerhatian	91
	3.5.3	Pendokumenan	92
	3.5.4	Data Memo	93
3.6		Analisis Data	94
	3.6.1	Analisis Data Deskriptif Kualitatif	94
		3.6.1.1 Analisis Data Temubual	98
		3.6.1.2 Analisis Data Pemerhatian	98
		3.6.1.3 Analisis Data Pendokumenan	101
		3.6.1.4 Analisis Data Memo	102
	3.6.2	Peringkat Transkripsi	103
	3.6.3	Peringkat Organisasi Data	103
	3.6.4	Peringkat Pelaziman Data	104
	3.6.5	Peringkat Pengkodan	104
		3.6.5.1 Pengkodan Terbuka	106
		3.6.5.2 Pengkodan Bersilang	109
		3.6.5.3 Pengkodan Terpilih	109
	3.6.6	Peringkat Tema	109
	3.6.7	Penetapan Kod	110
3.7		Triangulasi Data	111
3.8		Teknik Keabsahan Data	112
3.9		Etika Kajian	113
3.10		Penutup	114
4		DAPATAN KAJIAN	115
	4.1	Pengenalan	115
	4.2	Demografi Peserta Kajian	115
	4.3	Proses Pembangunan Profesional Guru Seni Budaya Melalui Pra-perkhidmatan, Dalam-perkhidmatan dan Penyeliaan	117
		4.3.1 Proses Pembangunan Melalui Pra-perkhidmatan	117

4.3.1.1	Proses Dalam Pendidikan Semasa Mengikuti Pra-perkhidmatan	118
4.3.1.2	Proses Mendapatkan Ilmu Pengetahuan Semasa Mengikuti Pra-perkhidmatan	123
4.3.1.3	Kaedah Diperolehi Semasa Mengikuti Pra-perkhidmatan	125
4.3.1.4	Bakat Dimiliki Semasa Menjalankan Pra-perkhidmatan	127
4.3.1.5	Kemahiran Diperolehi Semasa Mengikuti Pra-perkhidmatan	129
4.3.1.6	Pembangunan Diperolehi Semasa Menjalankan Pra-perkhidmatan	131
4.3.2	Proses Pembangunan Melalui Dalam-perkhidmatan	132
4.3.2.1	Pelatihan-pelatihan Diikuti di Dalam-perkhidmatan Setelah Menjadi Guru	133
4.3.2.1.1	Hasil Analisis Data Pemerhatian Pelatihan	133
4.3.2.1.2	Hasil Analisis Data Pemerhatian Pelatihan	134
4.3.2.1.3	Hasil Analisis Data Dokumen	135
4.3.2.2	Ilmu Pengetahuan Diperolehi Selepas Menjalankan Dalam-perkhidmatan	137
4.3.2.2.1	Hasil Analisis Data Pemerhatian Pelatihan	138
4.3.2.3	Membangunkan Kecekapan Akademik Dalam Pengajaran Seni Budaya Selepas Mengikuti Dalam-perkhidmatan	138
4.3.2.3.1	Hasil Analisis Data Pemerhatian Pengajaran	139
4.3.2.3.2	Hasil Analisis Data Pemerhatian Pengajaran	140
4.3.2.4	Mewujudkan Kemahiran Profesional	

Dalam Pengejaran Seni Budaya Selepas Mengikuti Dalam-perkhidmatan	141
4.3.2.4.1 Hasil Analisis Data Dokumen Sekolah	142
4.3.2.5 Kebolehan Mengamalkan Selepas Dalam-perkhidmatan	143
4.3.2.5.1 Hasil Analisis Data Dokumen Sekolah	144
4.3.2.5.2 Hasil Analisis Data Dokumen Sekolah	145
4.3.2.5.3 Hasil Analisis Data Pemerhatian Pengajaran	145
4.3.2.6 Kebolehan Berkarya Selepas Dalam-perkhidmatan	146
4.3.2.6.1 Hasil Analisis Data Dokumen Sekolah	147
4.3.2.7 Pembangunan Wawasan Selepas Dalam-perkhidmatan	148
4.3.3 Proses Pembangunan Melalui Penyeliaan	149
4.3.3.1 Bentuk-bentuk Kawalan Daripada Supervisor Semasa Penyeliaan	149
4.3.3.1.1 Hasil Analisis Data Dokumen Penyelia	150
4.3.3.1.2 Hasil Analisis Data Dokumen Penyelia	152
4.3.3.2 Motivasi Diperolehi Guru Dalam Penyeliaan	153
4.3.3.3 Pentadbiran Akademik Dalam Penyeliaan	155
4.3.3.4 Perubahan dan Peningkatan Pengajaran Seni Budaya Selepas Diberikan Penyeliaan	158
4.3.3.5 Pembangunan Profesional Dalam Pengajaran Seni Budaya Selepas Diberikan Penyeliaan	160

	17
4.3.3.5.1 Hasil Analisis Data Dokumen Penyelia	162
4.4 Kecekapan Dibangunkan Dalam Aspek Kecekapan Pedagogi, Keperibadian, Profesional dan Sosial	163
4.4.1 Kecekapan Dibangunkan Dalam Aspek Kecekapan Pedagogi	163
4.4.1.1 Ilmu Pengetahuan Mengenai Seni Budaya Dalam Memanfaatkan Teknologi Maklumat	164
4.4.1.1.1 Hasil Analisis Data Dokumen Penyelia	165
4.4.1.2 Motivasi Dalam Membangunkan Kecekapan Pedagogi	166
4.4.1.3 Melakukan Tindakan Reflektif Bagi Peningkatan Kualiti Pembelajaran Seni Budaya	167
4.4.1.4 Menggunakan Teknologi Informasi Mengenai Seni Budaya Bagi Aktiviti Pembangunan Mendidik	169
4.4.1.4.1 Hasil Analisis Data Pemerhatian Pengajaran	169
4.4.1.5 Memfasiliti Pembangunan Potensi Pelajar Mengenai Seni Budaya	171
4.4.1.5.1 Hasil Analisis Data Pemerhatian Pengajaran	171
4.4.2 Kecekapan Dibangunkan Dalam Aspek Keperibadian	173
4.4.2.1 Penampilan Sebagai Pribadi Yang Mantap, Dewasa, Beribawa, dan Teladan	173
4.4.2.1.1 Hasil Analisis Data Pemerhatian Pengajaran	174
4.4.2.1.2 Hasil Analisis data Pemerhatian Pengajaran	175
4.4.2.2 Kebolehan Menunjukkan Etos Kerja, Tanggungjawab dan Percaya Diri Sebagai	

		18
	Guru Seni Budaya	176
4.4.2.3	Pendekatan dan Motivasi Dalam Membangunkan Kecekapan Keperibadian	179
4.4.2.4	Penghargaan Dalam Membangunkan Kecekapan Keperibadian	180
4.4.3	Kecekapan Dibangunkan Dalam Aspek Profesional	182
4.4.3.1	Pelatihan-pelatihan Yang Dijalankan	182
4.4.3.1.1	Hasil Analisis data Pemerhatian Pengajaran	183
4.4.3.2	Meneruskan Pendidikan Dalam Membangunkan Kecekapan Profesioanal	184
4.4.3.3	Motivasi Dalam Membangunkan Kecekapan Profesional	185
4.4.3.4	Memfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Dalam Membangunkan Diri Sebagai Guru Seni Budaya	186
4.4.3.5	Menambah Wawasan Bagi Membagunkan Kecekapan Profesional	188
4.4.3.5.1	Hasil Analisis Data Dokumen Sekolah	189
4.4.4	Kecekapan Dibangunkan Dalam Aspek Sosial	190
4.4.4.1	Komunikasi Dengan Rakan Sebaya	191
4.4.4.2	Komunikasi Dengan Yang Lebih Berpengalaman	192
4.4.4.3	Menjalin Komunikasi Yang Baik Dengan Pengetua Sekolah Mengenai Pengajaran Seni Budaya	194
4.5	Penutup	196
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	198
5.1	Pengenalan	198
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	199

5.2.1	Pembangunan Profesional Guru Melalui Pra-perkhidmatan	199
5.2.2	Pembangunan Profesional Guru Melalui Dalam-perkhidmatan	199
5.2.3	Pembangunan Profesional Guru Melalui Penyeliaan	200
5.2.4	Kecekapan-kecekapan Guru yang di Bangunkan	200
5.2.4.1	Kecekapan Pedagogi	200
5.2.4.2	Kecekapan Keperibadian	200
5.2.4.3	Kecekapan Profesional	201
5.2.4.4	Kecekapan Sosial	201
5.2.5	Pembangunan Profesional Dengan Arahan-Kendiri	201
5.3	Perbincangan	202
5.3.1	Latar Belakang Peserta Kajian	202
5.3.2	Pembangunan Profesional Guru Seni Budaya Melalui Pra-perkhidmatan, Dalam-perkhidmatan dan Penyeliaan	203
5.3.2.1	Pembangunan Melalui Pra-perkhidmatan	203
5.3.2.2	Pembangunan Melalui Dalam-perkhidmatan	210
5.3.2.3	Pembangunan Melalui Penyeliaan	217
5.3.2.4	Kecekapan Yang Dibangunkan Dalam Aspek Pedagogi	222
5.3.2.5	Kecekapan Yang Dibangunkan Dalam Aspek Keperibadian	229
5.3.2.6	Kecekapan Yang Dibangunkan Dalam Aspek Profesional	234
5.3.2.7	Kecekapan Yang Dibangunkan Dalam Aspek Sosial	241
5.4	Pembangunan Profesionalisme Guru Seni Budaya Dengan Arahan-Kendiri	246
5.5	Pencadangan Model Pembangunan Profesionalisme Guru Seni Budaya	250
5.5.1	Tahap Satu: Pembangunan Profesionalisme Melalui Pra-perkhidmatan	251

5.5.2 Tahap Dua: Pembangunan Profesionalisme Melalui Dalam-perkhidmatan	252
5.5.3 Tahap Tiga: Pembangunan Profesionalisme Melalui Penyeliaan	254
5.5.4 Tahap empat: Pembangunan Profesionalisme Melalui Aspek-aspek Kecekapan	255
5.6 Implikasi Kajian	257
5.6.1 Implikasi Terhadap Pembangunan Ilmu Pengetahuan	258
5.6.2 Implikasi Terhadap Sekolah	259
5.6.2 Implikasi Kepada Guru Seni Budaya	259
5.7 Cadangan Kajian Lanjutan	260
5.8 Penutup	261

RUJUKAN**262**

Lampiran A – N

285-309

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Metha-Analisis Model Pembangunan Guru	56
3.1	Pakar Yang Menilai Kesahan Soal Temubual	91
3.2	Pemaparan Data Pemerhatian	100
3.3	Contoh Dokumen Temubual Dan Pengekoda Terbuka	107
3.4	Contoh Pengekoda Terbuka Mengikut Informan	108
3.5	Contoh Pengekoda Terbuka Mengikut Kod	108
4.1	Latar Belakang Peserta Temubual	116

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Kajian	20
2.1	Model Proses Perubahan Guru	44
2.2	Model Tiga Fasa Pembangunan Guru, Fuller (1969)	47
2.3	Model Empat Peringkat Pembangunan Guru, Fuller dan Brown (1975)	48
2.4	Model Tiga Peringkat Pembangunan Guru, Burden (1979)	50
2.5	Model Arahan-kendiri	52
2.6	Model Pembangunan-penambahbaikan	52
2.7	Model Latihan atau Model Konvensional	53
2.8	Model Pemerhatian-penilaian	54
2.9	Model Inkuiri	54
2.10	Model Mentoring	55
2.11	Model Ilmu Terapan	55
2.12	Model Inkuiri	56
3.1	Alur Pengumpulan Data Lapangan	86
3.2	Prosedur Pembinaan Protokol Temubual	90
3.3	Langkah-langkah Analisis Data Kualitatif	97
3.4	Organisasi dan Analisis data Model Interaktif	101
3.5	Proses Pengecilan Analisis data Kualitatif	105
3.6	Sistem Pengkodan Data Temubual	110
3.7	Sistem Pengkodan Data Pemerhatian	110

3.8	Sistem Pengkodan Data Pendokumenan	111
5.1	Peta Minda Menunjukkan Pembangunan Guru Seni Budaya Melalui Pra-perkhidmatan	204
5.2	Proses dalam Pendidikan Semasa Pra-perkhidmatan	205
5.3	Proses Perolehi Ilmu Pengetahuan Semasa Pra-perkhidmatan	206
5.4	Kaedah Diperolehi Semasa Pra-perkhidmatan	207
5.5	Kemahiran Diperolehi Semasa Pra-perkhidmatan	208
5.6	Pembangunan Diperolehi Semasa Pra-perkhidmatan	209
5.7	Peta Minda Menunjukkan Pembangunan Guru Seni Budaya Melalui Dalam-perkhidmatan	210
5.8	Ilmu Pengetahuan Diperolehi Semasa Dalam-perkhidmatan	211
5.9	Pelatihan Diikuti Semasa Dalam-perkhidmatan	212
5.10	Kecekapan Akademik Semasa Dalam-perkhidmatan	213
5.11	Kemahiran Profesional Semasa Dalam-perkhidmatan	214
5.12	Amalan Semasa Dalam-perkhidmatan	215
5.13	Wawasan Bertambah Semasa Dalam-perkhidmatan	216
5.14	Peta Minda Menunjukkan Pembangunan Guru Seni Budaya Melalui Penyeliaan	217
5.15	Bentuk Kawalan Diperolehi Dalam Penyeliaan	218
5.16	Motivasi Diperolehi Semasa Dalam Penyeliaan	220
5.17	Peningkatan Pentadbiran Pengajaran Semasa Penyeliaan	221
5.18	Peningkatan Pengajaran Diperolehi Semasa Penyeliaan	222
5.19	Peta Minda Menunjukkan Pembangunan Guru Seni Budaya Melalui Aspek Kecekapan Pedagogi	223

5.20	Peningkatan Pengajaran Dalam Kecekapan Pedagogi	224
5.21	Motivasi Dalam Membangunkan Kecekapan Pedagogi	225
5.22	Tindakan Reflektif Membangunkan Kecekapan Pedagogi	226
5.23	Pembangunan dari Aspek Teknologi Dalam Kecekapan Pedagogi	227
5.24	Membangunkan Potensi Pelajar Dalam Aspek Kecekapan Pedagogi	228
5.25	Peta Minda Menunjukkan Pembangunan Guru Seni Budaya Melalui Aspek Kecekapan Keperibadian	230
5.26	Penampilan Dalam Membangunkan Aspek Keperibadian	231
5.27	Etos Kerja Dalam Membangunkan Aspek Keperibadian	232
5.28	Motivasi Dalam Membangunkan Aspek Keperibadian	233
5.29	Penghargaan Dalam Membangunkan Aspek Keperibadian	234
5.30	Peta Minda Menunjukkan Pembangunan Guru Seni Budaya Melalui Aspek Kecekapan Profesional	235
5.31	Pelatihan Dalam Membangunkan Aspek Profesional	237
5.32	Teruskan Pendidikan Dalam Membangunkan Aspek Profesional	238
5.33	Motivasi Dalam Membangunkan Aspek Profesional	239
5.34	Teknologi Dalam Membangunkan Aspek Profesional	240
5.35	Wawasan Bertambah Dalam Membangunkan	

	Aspek Profesional	241
5.36	Peta Minda Menunjukkan Pembangunan Guru Seni Budaya Melalui Aspek Kecekapan Sosial	242
5.37	Komunikasi Dengan Teman Sejawat Dalam Membangunkan Aspek Kecekapan Sosial	243
5.38	Komunikasi Dengan Teman Lebih Berpengalaman Dalam Aspek Membangunkan Kecekapan Sosial	244
5.39	Komunikasi Dengan Pengetua Sekolah Dalam Membangunkan Aspek Kecekapan Sosial	245
5.40	Pembangunan Guru Seni Budaya Daripada Aspek Arahan-Kendiri	248
5.41	Model Pembangunan Profesionalisme Guru Seni Budaya	250

SENARAI SIMBOL/SINGKATAN

ABM	-	Alat Bantu Mengajar
BPG	-	Balai Latihan Guru
BSNP	-	Badan Standart Nasional Pendidikan
Depdiknas	-	Departemen Pendidikan Nasional
Diklat	-	Pendidikan dan Latihan
D.1	-	Dokumen Pertama
D-II	-	Diploma Dua
DS	-	Dokumen Sekolah
DP	-	Dokumen Penyelia
DP3	-	Daftar Penilaian Pelaksanaan Pekerjaan
GSB	-	Guru Seni Budaya
HDEAPR	-	Human Development East Asia and Pasifik Region
HDI	-	Human Development Index
I.1	-	Informan Pertama
IKIP	-	Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan
INSET	-	<i>In-Service Teacher Training</i>
IPTEKS	-	Ilmu Pengetahuan, Teknologi dan Seni
IT	-	Informasi dan Teknologi
KD	-	Kecekapan Dasar
Kepmendikbud	-	Keputusan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan
KTSP	-	Kokrikulum Tingkat Satuan Pendidikan
LKP	-	Lembaran Kerja Pelajar
LKS	-	Lembaran Kerja Siswa
LPMP	-	Lembaga Penjamin Mutu Pendidikan
LPTK	-	Lembaga Pendidikan Tenaga Kependidikan

MGMP	-	Musyawarah Guru Mata Pelajaran
MI	-	Madrasah Ibtidaiyah
Permen	-	Peraturan Menteri
Permendiknas	-	Peraturan Menteri Pendidikan Nasional
PGRI	-	Persatuan Guru Republik Indonesia
PGSD	-	Pendidikan Guru Sekolah Dasar
PGSLTP	-	Pendidikan Guru Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama
PMPTK	-	Peningkatan Mutu Pendidikan dan Tenaga Kependidikan
PP	-	Peraturan Pemerintah
PPg.GSB	-	Pemerhatian Pengajaran Guru Seni Budaya
PPt.GSB	-	Pemerhatian Pelatihan Guru Seni Budaya
PP dan K	-	Pendidikan, Pengajaran, dan Kebudayaan
PPPG	-	Pusat Pembangunan Pendidikan Guru
PPRI	-	Peraturan Pemerintah Republik Indonesia
PS	-	Pengetua Sekolah
PTK	-	Penyelidikan Tindakan Kelas
PY	-	Penyelia
RPP	-	Rancangan Pembelajaran dan Pengajaran
S1	-	Strata Satu
SD	-	Sekolah Dasar
SISDIKNAS	-	Sistem Pendidikan Nasional
SMA	-	Sekolah Menengah Atas
SMK	-	Sekolah Menengah Kejuruan
SMKI	-	Sekolah Menengah Kerawitan Indonesia
SMP	-	Sekolah Menengah Pertama
SLTP	-	Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama
SNP	-	Standard Nasional Pendidikan
SPP	-	Satuan Perancangan Pembelajaran
SPG	-	Sekolah Pendidikan Guru
UNM	-	Universiti Negeri Makassar
UU	-	Undang-Undang
UUGP	-	Undang-Undang Guru dan Pensyarah
UURI	-	Undang Undang Republik Indonesia

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada UTM	285
B	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada Pemerintah Privinsi Sulawesi Selatan	286
C	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada Pemerintah Kota Makassar	287
D	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada Dinas Pendidikan Bandar Makassar	288
E	Pengesahan Pakar 1	289
F	Pengesahan Pakar 2	290
G	Lembar Maklumat	291
H	Protokol Temu Bual Kategori Guru Seni Budaya	292
I	Protokol Temu Bual Kategori Pengetua SMP dan Penyelia Guru Seni Budaya SMP	295
J	1. Format Temubual	296
	2. Format Pemerhatian	297
	3. Format Pendokumenan	298
K	1. Gambar Semasa Temubual Guru Seni Budaya	299
	2. Gambar Semasa Temubual Pengetua SMP dan Penyelia Guru Seni Budaya SMP	300

L	1. Gambar Semasa Pemerhatian Pembelajaran dan Pengajaran Seni Rupa	302
	2. Gambar Semasa Pemerhatian Pembelajaran dan Pengajaran Seni Muzik	303
	3. Gambar Semasa Pemerhatian Pembelajaran dan Pengajaran Seni Tari	304
	4. Gambar Semasa Pemerhatian Pembelajaran dan Pengajaran Seni Teater	305
M	1. Gambar Semasa Pemerhatian Pelatihan Guru Seni Budaya SMP di LPMP Mengamalkan Seni Tari	306
	2. Gambar Semasa Pemerhatian Pelatihan Guru Seni Budaya SMP di LPMP Mengamalkan Seni Muzik	306
	3. Gambar Semasa Pemerhatian Pelatihan Guru Seni Budaya SMP di LPMP dan di Hotel Delta Menerangkan Seni Rupa	307
	4. Gambar Semasa Pemerhatian Pelatihan Guru Seni Budaya SMP di LPMP Menerangkan Teater	308
N	Jadual Aktiviti Pengumpulan Data dan Proses Penulisan Tesis	309

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam kehidupan manusia, pendidikan merupakan bahagian yang penting bagi setiap individu, oleh kerana itu, pembaikan pendidikan harus dilakukan secara berterusan di setiap peringkat. Menurut Turgay (2008) dan Richter *et al.* (2011) mengesahkan bahawa pendidikan dijangka dapat menjadi pelaburan jangka panjang pada manusia. Mengikut Loucks-Horsley *et al.* (2003), Nurkolis (2003) dan Guido (2005), penyelenggaraan pendidikan sepatutnya dijalankan dengan menekankan kepada aspek pembaikan secara global yang berterusan, sama ada mengenai proses pengajaran dan pembelajaran mahupun pendidikan dan kualiti guru. Oleh itu, untuk mencapai matlamat pendidikan diperlukan guru-guru yang profesional dan berkualiti.

Berhubungkait di atas, bahawa guru yang profesional dan berkualiti merupakan profesion seseorang guru yang memiliki peranan dalam menjalankan tugas yang sangat penting untuk keberhasilan pembelajaran (Jones, Jenkin dan Lord, 2006). Menurut Shahril Charil bin Marzuki (2006), Ismail bin Abas (2007), dan Kumar dan Amal (2009), peranan utama seseorang guru adalah sebagai agen penghantaran ilmu pengetahuan tentang kandungan isi pengajaran kepada pelajar, pemimpin dan pelaksana pentadbiran. Seterusnya Esah (2004) mengemukakan sembilan peranan dan tanggungjawab guru iaitu: sebagai pengajar dan penyebar ilmu, penyelidik, pengurus, penyelia, pengawal, pembentuk akhlak, penulis, pembina kemahiran sosial, penjaga atau ibu bapa. Disokong Darling-Hammond dan Baratz-

Snowden (2009) bahawa guru adalah orang yang bertanggungjawab kepada perkembangan pelajar dengan mengupayakan perkembangan seluruh potensi pelajar, sama ada potensi afektif, kognitif mahupun psikomotorik. Oleh itu, sebagai seseorang guru perlu menyemaikan minat dan motivasi terhadap bahan pelajaran yang diajar bagi mempertingkatkan pencapaian akademik menyedarkan pelajar tentang kekuatan dan kelemahan, serta tindakan yang boleh dilakukan untuk mengatasi kelemahan yang dialami, membantu pelajar mengenal pasti masalah sosio emosi atau masalah kesihatan yang dihadapi.

Sama halnya guru seni budaya, menurut Dwidjowinoto (2010) bahawa sebagai guru seni budaya merupakan guru yang mempunyai tugas dan tanggungjawab yang berat dalam pembangunan dan pembinaan kesenian kepada pelajar. Guru seni budaya adalah guru yang mengajarkan bahan ajar seni budaya yang di dalamnya terdapat empat cabang seni iaitu; seni rupa, seni muzik, seni tari dan teater (Dwidjowinoto, 2010). Guru seni budaya memiliki tanggungjawab bagi mengarahkan kepada pembentukan sikap kritis, apresiatif dan kreatif pada diri pelajar secara holistik (Lam, 2004; Dwidjowinoto, 2010). Oleh itu, sebagai seseorang guru seni budaya boleh terus berupaya mempertingkatkan pengetahuan dan pengalaman untuk membangunkan profesionalisme dan pembangunan ilmu pengetahuan yang didapatkan.

Menurut Guskey (2002), pembangunan profesional guru dijangka penting untuk membaiki kerana merupakan komponen utama bagi mempertingkatkan kualiti pelajar. Mengikut Buczynski (2010) bahawa pembangunan profesional merupakan sebuah aktiviti yang dilakukan untuk membekalkan pengetahuan dan pengalaman para guru dengan alat dan sumber daya yang diperlukan. Oleh itu, pembangunan profesional terdiri daripada pengalaman belajar yang direka untuk membantu guru seni budaya menjadi lebih berkesan, sebagaimana pendapat Camerino (2009) dan Dadang (2010) bahawa dengan peningkatan pengalaman dan peningkatan belajar guru melalui pelbagai perkhidmatan boleh membangunkan, merancang, mengamalkan, dan mempertingkatkan kemahiran baru serta pengetahuan, sehingga memberi kesan yang objektif dan setara daripada kualiti pendidikan. Manakalah mengikut Richter *et al.* (2011) mendedahkan bahawa pembangunan profesional sebagai penyerapan pengalaman belajar secara formal dan informal untuk

memperluas kecekapan profesional guru antaranya: pengetahuan, keyakinan, motivasi dan kemahiran. Oleh itu, dengan upaya pembangunan profesional guru seni budaya melalui penambahan pengalaman, belajar berterusan, pelatihan, maka guru seni budaya dijangka boleh mempertingkatkan pengetahuan dan kecekapan serta kemahiran dalam mengajar sehingga matlamat kualiti pengajaran dan kualiti pendidikan boleh tercapai.

Kualiti pengajaran bergantung pada latar belakang pendidikan guru, pengalaman mengajar, kelayakan akademik, latihan, kepakaran, penggunaan media pembelajaran, pengetahuan pengurusan kurikulum, inovasi pengajaran dan strategi pengajaran. Kualiti pengajaran bagi guru merupakan satu aspek yang diberi penekanan oleh kerajaan. Blanton *et al.* (2006), Nurkamto (2009), dan Zulfikar (2009) mengesahkan bahawa kualiti guru merupakan faktor yang paling berpengaruh dalam meningkatkan kualiti pengajaran. Oleh itu, peranan guru seni budaya penting dalam aktiviti proses pengajaran dan pembelajaran seni budaya pada pelajar. Manakala guru seni budaya mempunyai peranan sebagai pendidik dalam memaklumkan ilmu pengetahuan yang terbabit dalam proses pengajaran seni budaya di dalam bilik darjah.

Mengikut Badan Standard Nasional Pendidikan (BSNP) (2006) bahawa guru seni budaya mesti mempunyai dua kelayakan iaitu: (1) mempunyai minimum satu kebolehan seperti melukis, menggambar, menari, menyanyi, dan mahir menggunakan Alat Bantu Mengajar (ABM) bagi memaklumkan kepada pelajar hingga pembelajaran seni budaya menyenangkan; (2) memahami keadaan pelajar yang memiliki hobi, pemahaman, dan kebolehan berbeza. Dalam rangka meningkatkan profesional guru seni budaya, BSNP telah menerapkan standard kecekapan guru seni budaya iaitu; (1) menguasai bahan ajar, konsep, pola fikir keilmuan (bahan ajar yang bersifat apresiasi dan kreatif) yang menyokong pembelajaran seni budaya (rupa, tari, muzik, dan teater). (2) mampu menganalisis bahan ajar, konsep, pola fikir ilmu-ilmu yang berkenaan dengan pembelajaran seni budaya (BSNP, 2006).

1.2 Latar Belakang Masalah

Menurut Korthagen *et al.* (2001), Hazri Jamil *et al.* (2007) dan Siddiqui (2010) di banyak negara, pendidikan guru telah menjadi perhatian utama kerana pendidikan guru merupakan keperluan yang sangat penting bagi peningkatan kualiti pendidikan dan pelajar yang berkualiti. Oleh kerana itu, kajian terhadap peningkatan pendidikan guru seni budaya dalam membangunkan profesionaliti diberi tumpuan dan dikenalpasti serta menjadi nilai dalam penyelidikan akademik. Oleh itu, kajian di pelbagai negara supaya guru khas guru seni budaya diberikan masa untuk meneruskan pendidikan akademik yang lebih tinggi dengan matlamat untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran.

Selari dengan itu, peningkatan kualiti pendidikan di Indonesia mengikut matlamat Undang-undang (UU) tahun 2005 pasal 8 mengenai guru dan pensyarah, bahawa guru harus memiliki kecekapan, persijilan pendidik, sihat jasmani dan rohani serta mempunyai kelayakan akademik bagi mewujudkan matlamat pendidikan nasional. Polisi perundangan mengisyaratkan adanya upaya untuk menjadikan guru khususnya guru seni budaya sebagai pendidik profesional yang mampu menjalankan tugas dan kefungsiannya dalam mendidik dan mengajar seni budaya. Oleh itu, mengikut Guskey (2002), Lowden (2005), Lunenburg (2011), Salleh (2008), dan Sumardi (2012) pembangunan profesional guru merupakan salah satu cara yang penting dilakukan untuk mencapai matlamat pendidikan yang cemerlang dan berjaya. Dengan demikian, boleh mendapatkan hasil yang baik pada pelajar sebagaimana yang telah dijangkakan.

Berhubungkait di atas, Undang-Undang Sistem Pendidikan Nasional Bab XI Pasal 39 Ayat 2 Tahun 2003, pendidikan guru merupakan tenaga profesional yang mampu merancang, melaksanakan, menilai dan merefleksi proses belajar. Ketua Pengarah Peningkatan Mutu Pendidikan dan Tenaga Kependidikan (PMPTK) menerangkan bahawa untuk menjadi seorang guru profesional dikehendaki secara berterusan bagi membekalkan diri untuk kreativiti dalam mewujudkan guru berkualiti (Ditjen PMPTK, 2008). Manakala mengikut Dwidjwinoto (2010) bahawa kualiti dan kuantiti guru terkhas guru seni budaya sangat perlu dipertingkatkan sesuai dengan keperluan inovasi pendidikan.

Kerajaan Indonesia berupaya untuk mempertingkatkan kualiti guru, dengan mewajibkan guru memiliki kelayakan akademik, kecekapan, berijazah pendidik, sihat jasmani dan rohani, serta mempunyai kemahiran untuk mewujudkan matlamat pendidikan nasional (UUGP, 2005). Kelayakan akademik dimaksud menghendaki guru mesti mempunyai latarbelakang pendidikan tinggi seperti program sarjana muda (S1) atau sarjana (S2) (UURI, 2006). Namun, pada amnya, masih ramai guru yang belum memenuhi kelayakan tersebut. Data guru daripada bancian 2006 mempertunjukkan bahawa hanya tiga puluh tujuh peratus daripada semua guru yang mempunyai ijazah sarjana muda dan hanya dua puluh enam peratus mempunyai tahap sekolah tinggi (HDEAPR, 2010). Mengikut kajian Nuryani (2012) mendedahkan bahawa ramai guru seni budaya yang belum mempunyai kebolehan dan kemahiran mengajar meskipun guru berijazah sarjana muda. Oleh itu, sepatutnya sebagai seorang guru seni budaya berupaya terus meneruskan pendidikan yang boleh membangunkan pengetahuan, kebolehan dan kemahiran dalam proses pembelajaran dan pengajaran seni budaya.

Guru perlunya mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran kerana guru merupakan pendidik yang mempunyai faedah penting bagi mencapai matlamat pendidikan (Hazri Jamil, *et al.*, 2007; Ma'ruf, 2009). Manakala pembangunan kecekapan guru merupakan hal yang ketara di dalam melakukan aktiviti pembelajaran secara berkesan (Dantas, 2007). Oleh itu, dalam Undang-Undang Guru dan Pensyarah (UUGP) (2005) dan Muhson (2004) menyatakan bahawa guru profesional harus mempunyai empat kecekapan iaitu, kemahiran, penguasaan bahan ajar, dan keperibadian serta karakter sosial. Berhubungkait dengan ini, kecekapan yang dimiliki guru seni budaya dijangka dapat berfaedah bagi pelajar untuk menjadi kreatif, aktif, kritikal, kolaboratif, dan independen (Nuryani, 2012). Selain daripada itu, mengikut Dwidjowinoto (2010), kecekapan yang dimiliki guru seni budaya merupakan pelaburan daripada pengetahuan (daya fikir), sikap (daya kalbu), dan kemahiran (daya fizikal) yang diwujudkan dalam bentuk perlakuan.

Pentingnya kecekapan guru, sebagaimana yang diterbitkan dalam Undang-Undang Sistem Pendidikan Nasional pasal 28 dan PP No. 19/2005 yang mengatur tentang kecekapan yang mesti dimiliki oleh seorang guru khas guru seni budaya yang profesional antaranya potensi, pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai yang dimiliki

guru yang terkait dengan profesion. Sebagaimana daripada laporan eksekutif pembangunan model perkongsian daerah dan Lembaga Pendidikan Tenaga Kependidikan (LPTK) dalam percepatan kelayakan pendidik 2009 bahawa kecekapan guru memang bersifat kompleks dan merupakan satu kesatuan yang sempurna. Mengikut Selvi (2010) dan Made (2010) pembangunan kecekapan guru mempunyai peranan secara ketara terhadap pembangunan pendidikan dan kualiti pelajar. Oleh itu, pembangunan kecekapan mesti menjadi aktiviti secara berterusan oleh guru seni budaya supaya tidak tertinggal dalam hal maklumat pembangunan ilmu pengetahuan. Oleh yang demikian, guru seni budaya perlu mempunyai beberapa kemahiran yang bersesuaian dengan latar belakang pendidikan yang didapati melalui pra-perkhidmatan (*pre-service*) serta tugas dan fungsinya. Perkara ini akan menjadi potensi sumber daya seorang guru yang mempunyai kecekapan boleh menjadi asas dalam melaksanakan tugasnya secara profesional sama ada dalam ukuran aktiviti dan tumpuan pelaksanaan mahupun kecekapan pada personal lain (White dan Southwell, 2003; Adey, 2006; Salmon, 2011; Santrock, 2008; Camerino, 2009).

Mengikut Lawden (2005), Camerino (2009) dan Minuskin (2009), pentingnya pembangunan profesional untuk dijalankan kerana pembangunan guru yang profesional merupakan kewajipan yang mesti dipenuhi para guru untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang telah dimiliki. Berhubungkait dengan ini, guru seni budaya secara holistik perlu melakukan upaya secara berterusan untuk belajar dalam membangunkan dirinya sama ada melalui dalam-perkhidmatan (*in-service*), belajar mandiri (White dan Southwell, 2003; Marcelo, 2009; Dwidjowinoto, 2010) mahupun penyeliaan (*supervisi*) yang secara berterusan dijalankan boleh membangunkan kecekapan guru (Bafadal, 2004).

Menurut Sabol (2006) bahawa ramai guru seni mengeluh akan peluang untuk melakukan pembangunan profesional, kerana kurangnya sokongan diberikan dan keterbatasan pembiayaan, ketersediaan, pengangkutan yang menyebabkan rendahnya tahap penyertaan dalam menjalankan pembangunan profesionalnya. Bagitu juga Yeom (2002) dan Thang (2010) bahawa ramai guru seni budaya tidak termotivasi dalam membangunkan profesional disebabkan pelbagai faktor iaitu sokongan, biaya, masa, dan kesesuaian jadual menjadi halangan bagi pembangunan profesional. Selari

Bauer (2007) dan Santrock (2008) bahawa kelemahan guru dalam proses belajar mengajar khususnya pengajaran seni budaya di sebabkan kerana kurangnya fasiliti pembelajaran, kebolehan, dan kemahiran dalam mengguna teknologi. Manakala teknologi di jangka boleh memberi kesan daripada proses mengajar yang lebih profesional dalam bilik darjah. Mengikut Santrock, (2008) dan Zainudin (2012) sepatutnya guru menguasai bahan pengajaran, keahlian dan kemahiran mengguna teknologi.

Berhubung kait dengan latar belakang pendidikan, seseorang guru sepatutnya terkait bidang kajian yang akan dijalankan. Namun mengikut data daripada Departemen Pendidikan Nasional Bandar Makassar tahun 2011, bahawa terdapat beberapa guru mengajar tidak sesuai dengan latar belakang pendidikan guru dan yang diperolehi semasa pra-perkhidmatan. Khas pembelajaran dan pengajaran seni budaya, guru yang tidak memiliki pendidikan seni, mengajar bidang kajian seni budaya disebabkan guru berlatar belakang khas seni budaya masih kurang. Hingga masih terdapat guru mengajar tidak mengikut bidang kajian yang dimiliki (Depdiknas Bandar Makassar, 2011).

Menurut Hendayana (2007) bahawa terdapat beberapa guru selepas pelatihan dalam-perkhidmatan tidak mahu berkongsi pengalaman dengan rakan guru lain. Mengikut Juandi (2012), bahawa kecekapan guru masih sangat minimum dan jauh daripada yang dijangkakan. Kecekapan guru sebagai hujung tombak pendidikan sepatutnya terus dipertingkatkan (Juandi, 2012). Selari Sukamto (2009), bahawa kumpulan guru yang belum persijilan dan lepas persijilan tidak menemukan perbezaan yang ketara. Lulusan persijilan dijumpai fakta tidak mempertunjukkan adanya peningkatan kecekapan yang ketara (Agung, 2011). Menurut UUGP (2005), terkhas guru seni budaya mesti mempunyai kecekapan dalam melaksanakan pengajaran seni budaya. Namun, Dwidjowinoto (2010), masih banyak guru seni budaya belum sepenuhnya mempunyai kecekapan yang dijangkakan. Guru seni budaya dalam mengajarkan seni hanya berasaskan kepada buku teks yang ada, dan belum mempunyai kecekapan profesional dalam bidang kajian seni. Mengikut Sagala (2009) dan Raval (2012), kecekapan merupakan kebolehan dalam melaksanakan segala sesuatu yang didapati dengan melalui pendidikan dan pelatihan

dalam-perkhidmatan, dan Bafadal (2004), kecekapan guru boleh juga dibangunkan dengan melalui penyeliaan yang berterusan.

Nuryani (2012), menyatakan kecekapan guru seni budaya masih rendah disebabkan, kebolehan dalam melakonkan pembelajaran, menyajikan bahan ajar dengan cara melatih berasaskan buku panduan yang ada. Guru seni budaya masih konvensional dalam proses pembelajaran dan pengajaran, hingga pelajar menganggap pelajaran seni budaya tidak menyenangkan. Menurut Badan Standard nasional Pendidikan (BSNP) , guru seni budaya mesti menguasai karakteristik dan sifat multilingual, multidimensional, dan multicultural pelajar iaitu multilingual merangkumi bahasa di Sulawesi Selatan, multidimensional merangkumi pelaksanaan pendidikan seni budaya yang berorientasi kepada potensi pelajar secara logika, etika, dan estetika, manakala multicultural merangkumi guru seni budaya menguasai budaya masing-masing puak di Sulawesi Selatan. Selari dengan itu Suyuti (2006), bahawa guru seni budaya sepatutnya boleh menghormati, toleran dan bertamadun dalam komuniti yang majmuk sehingga sifat boleh terbentuk pada diri pelajar.

Menurut Dwidjowinoto (2010) dan Suharto (2012), guru seni budaya kurang mendapat perhatian kerana pembelajaran yang diajarkan bukanlah pelajaran yang dianggap bidang pelajaran yang menyokong, akibatnya ketertekanan yang menonjol kepada setiap guru seni budaya dalam menjalankan aktiviti proses pengajaran dan pembelajaran seni budaya dalam bilik darjah. Oleh itu, guru seni budaya tidak termotivasi membangunkan profesion sebagai guru seni budaya (Dwidjowinoto, 2010; Suharto, 2012). Oleh yang demikian, guru seni budaya perlu berupaya terus dengan pelbagai cara dijalankan bagi meningkatkan kebolehan dalam membangunkan profesionalnya untuk menjadi guru seni budaya yang profesional, sehingganya boleh mendapatkan perhatian dan dianggap pelajaran yang menyenangkan oleh pelajar.

Beberapa hasil kajian dan masalah telah dihuraikan di atas menekankan aspek penting, iaitu pelaksanaan pembangunan profesional guru seni budaya hingga ke tahap pembelajaran dan pengajaran pada pelajar. Oleh itu, saya berminat untuk menjalankan penyelidikan dan pengkajian mengenai pembangunan profesional guru seni budaya pada Sekolah Menengah Pertama (SMP) di Bandar Makassar hingga

diperoleh maklumat yang bermakna pada pembangunan profesional guru dalam pembelajaran dan pengajaran seni budaya di Bandar Makassar Indonesia.

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang masalah di atas, maka akan dilakukan suatu kajian bagi mengenalpasti proses pembangunan profesional guru seni budaya. Menurut Ma'ruf (2009) masalah profesional guru di Indonesia secara am dan di Sulawesi Selatan secara khasnya banyak terletak pada kelayakan akademik yang masih rendah. Pencapaian matlamat pembelajaran seseorang guru seni budaya perlu mempunyai beberapa kemahiran yang bersesuaian dengan latar belakang pendidikan keguruan serta tugas dan fungsinya (Dwidjowinoto, 2010). Perkara ini akan menjadi potensi sumber daya seseorang guru seni budaya yang mempunyai kebolehan dan menjadi asas dalam melaksanakan tugasnya secara profesional (Sagala, 2009; Nuryani, 2012; Raval *et al.* 2012).

Kelayakan akademik yang dimaksud adalah latar belakang pendidikan tinggi iaitu program sarjana muda dan sarjana. Pada hakikatnya sepatutnya guru seni budaya yang berkelayakan akademik sarjana muda atau sarjana mempunyai kebolehan dan kemahiran dalam proses pembelajaran dan pengajaran dalam bilik darjah (UUGP, 2005; Jalal, 2009). Namun menurut Nuryani (2012), bahawa banyak guru seni budaya yang berijazah sarjana belum mempunyai kebolehan dan kemahiran dalam proses pembelajaran dan pengajaran seni budaya, oleh kerana semasa menjalankan pra-perkhidmatan tidak bersesuaian dengan jurusan yang dipilihnya (Depdiknas Bandar Makassar, 2011).

Berhubung kait di atas, bahawa latar belakang pendidikan seseorang guru seni budaya yang didapati melalui pra-perkhidmatan sepatutnya bersesuaian kemahiran yang telah dimiliki, yang tentunya bidang kajian yang akan dijalankan terkait dengan latar belakang pendidikan yang diperolehi (Adey, 2006; 2011; Santrock, 2008; Camerino, 2009). Namun, masih terdapat guru dalam menjalankan pengajaran tidak sesuai dengan apa didapatkan semasa pra-perkhidmatan. Khasnya pengajaran seni

budaya, guru mengajarkan bidang kajian seni tetapi bukan daripada latar belakang pendidikan seni, hal yang demikian disebabkan bahawa guru yang berlatar belakang pendidikan seni masih kurang (Depdiknas Bandar Makassar, 2011). Hal demikian menjadi masalah kerana guru yang mengajar tidak memiliki kompetensi dalam memberikan pembelajaran dan pengajaran yang bukan bidang keahliannya (Leutuan, 2010). Menurut Sumardi (2012), seseorang guru dijangka memiliki kebolehan dalam pembangunan pelajar bagi mengaktualisasikan pelbagai potensi yang dimiliki, namun kenyataan mempertunjukkan bahawa guru masih memiliki tingkat profesionalisme masih di bawah standard.

Diteruskan Sumardi (2012), guru mesti memiliki kelayakan profesionalisme yang perlu dikoordinasikan secara rutin hingga kependidikannya kepada pelajar menjadi optimum. Dwidjowinoto (2010) menegaskan bahawa sebagai seseorang guru khas guru seni budaya sepatutnya berupaya secara berterusan membangunkan dirinya sama ada melalui dalam-perkhidmatan, ataupun belajar mandiri (White dan Southwell, 2003; Marcelo, 2009) mahupun diberikan penyeliaan secara berterusan untuk boleh membangunkan kecekapan-kecekapan yang dimiliki sebagai guru (Bafadal, 2004).

Peningkatan kecekapan guru seni budaya tergendala kerana permasalahan dengan adanya halangan-halangan yang menghambat guru bagi mempertingkatkan kecekapan yakni; kecekapan pedagogi, keperibadian, profesional, dan sosial. Menurut Sabol (2006) halangan yang menghambat guru seni budaya bagi mempertingkatkan kecekapan profesionalnya iaitu kurangnya sokongan yang diberikan dan keterbatasan pembiayaan, ketersediaan, dan kesesuaian penjadualan menyebabkan rendahnya penyertaan dalam membangunkan kecekapan. Permasalahan lain yang dialami guru khususnya guru seni budaya iaitu kurangnya fasiliti pembelajaran seperti teknologi, kerana teknologi boleh memberi kesan kepada proses pembelajaran lebih profesional dalam bilik darjah (Bauer, 2007; Santrock, 2008).

Menurut Sumardi (2012), profesionalisme seseorang guru masih sering memprihatinkan untuk mampu mengelola amalan pembelajaran yang aktif, inovatif, kreatif, efektif, dan menyenangkan kepada pelajar. Ketidakprofesionalan seseorang

guru dalam menjalankan proses pembelajaran dapat dilihat daripada segi penguasaan bahan ajar yang termasuk dalam kecekapan profesional, kebolehan dalam merancang dan menjalankan proses pembelajaran serta mengevaluasi hasil belajar pelajar termasuk dalam kecekapan pedagogi (Sumardi, 2012). Berhubungkait dengan penguasaan bahan ajar, seseorang guru dijangkakan menguasai bahan ajar secara luas dan mendalam yang memungkinkan guru dapat memberikan penyeliaan kepada pelajar bagi memenuhi standard kecekapan yang ditetapkan dalam Standard Nasional Pendidikan (Sumardi, 2012).

Menurut Nuryani (2012) bahawa masalah kebolehan guru seni budaya dalam proses pembelajaran dan pengajaran masih rendah, kerana guru hanya berasaskan buku panduan dalam melakonkan pembelajaran. Hal ini menandakan bahawa guru seni budaya masih kurang penguasaan dalam bahan ajar seni budaya. Kecekapan profesional dalam kebolehan mempertunjukkan bahan ajar mesti dimiliki oleh guru seni budaya dalam melaksanakan tugas mengajar di dalam bilik darjah (Muhammad, 2007; Uno, 2011; Agung, 2011). Mengikut Dwidjowinoto (2010), guru seni budaya mesti mempunyai kebolehan dan kemampuan profesional yang memadai sejalan dengan kemajuan Ilmu Pengetahuan, Teknologi dan Seni (IPTEKS).

Kajian mengenai pembangunan profesionalisme guru seni budaya perlu untuk dikaji kerana kajian pembangunan profesional guru seni budaya Sekolah Menengah Pertama (SMP) belum ada yang mengkaji secara khas di kawasan Bandar Makassar Indonesia. Oleh itu, penyelidikan ini mengkaji tentang bagaimana proses pelaksanaan yang dijalankan guru seni budaya dalam membangunkan dirinya untuk menjadi guru yang profesional. Daripada kajian ini boleh diperolehi maklumat yang bermakna dalam membangunkan profesional guru seni budaya SMP di Bandar Makassar Indonesia.

1.4 **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini ialah:

- i. Mengenal pasti proses pembangunan profesional guru seni budaya SMP di Bandar Makassar melalui Pra-perkhidmatan, dalam-perkhidmatan dan penyeliaan di Bandar Makassar Indonesia.
- ii. Mengenal pasti aspek kecekapan profesional yang dibangunkan dari segi kecekapan pedagogi, kecekapan keperibadian, kecekapan profesional dan kecekapan sosial oleh guru seni budaya SMP di Bandar Makassar Indonesia.
- iii. Mencadangkan model pembangunan profesionalisme di kalangan guru seni budaya SMP di Bandar Makassar Indonesia.

1.5 **Persoalan Kajian**

Penyelidikan ini terdapat beberapa persoalan dalam pembangunan profesionalisme guru seni budaya Sekolah Menengah Pertama (SMP) di Bandar Makassar Indonesia, persoalan kajian iaitu:

- i. Bagaimanakah proses pembangunan profesional guru seni budaya SMP melalui pra-perkhidmatan di Bandar Makassar Indonesia?
- ii. Bagaimanakah proses pembangunan profesional guru seni budaya SMP melalui dalam-perkhidmatan di Bandar Makassar Indonesia?
- iii. Bagaimanakah proses pembangunan profesional guru seni budaya SMP melalui penyeliaan di Bandar Makassar Indonesia?
- iv. Apakah aspek kecekapan yang dibangunkan dari segi kecekapan pedagogi oleh guru seni budaya SMP di Bandar Makassar Indonesia?
- v. Apakah aspek kecekapan yang dibangunkan dari segi kecekapan keperibadian oleh guru seni budaya SMP di Bandar Makassar Indonesia?

- vi. Apakah aspek kecekapan yang dibangunkan dari segi kecekapan profesional oleh guru seni budaya SMP di Bandar Makassar Indonesia?
- vii. Apakah aspek kecekapan yang dibangunkan dari segi kecekapan sosial oleh guru seni budaya SMP di Bandar Makassar Indonesia?
- viii. Apakah model pembangunan profesionalisme di kalangan guru seni budaya SMP di Bandar Makassar Indonesia?

1.6 Rasional Kajian

Peningkatan kecekapan para guru seni budaya dalam pembangunan profesional khas pendidikan seni budaya mempunyai implikasi yang besar dalam membangun konstruksi sosial di dalam masyarakat. Hal ini telah disedari sejak dahulu, bahkan menjadi salah satu aspek pendidikan yang penting di Sulawesi Selatan, dalam menjaga dan mengekalkan keindahan seni dan keluhuran budaya yang tumbuh dan berkembang di dalam masyarakat di Sulawesi Selatan. Oleh itu, Bandar Makassar sebagai ibu provinsi Sulawesi Selatan menjadi representasi daripada budaya tertentu dipelbagai etnik di Sulawesi Selatan termasuk etnik yang datang daripada luar Sulawesi Selatan.

Guru merupakan pendidik yang memiliki peranan penting bagi mencapai matlamat pendidikan (Hazri Jamil, *et al.*, 2007; Ma'ruf, 2009). Peningkatan kecekapan guru seni budaya boleh menjadi alat dalam pembelajaran pelajar untuk membantu pelajar menjadi kreatif, aktif, kritikal, kolaboratif, dan independen (Dwidjowinoto, 2010). Mengikut Agung (2008) dan Hamid (2009) guru harus proaktif, kreatif, dan inovatif dalam membangunkan diri secara berterusan hingga mencapai tahap profesion yang memadai dalam mengurus proses pembelajaran yang berkesan.

Lawden (2005) dan Muhammad (2007) berpendapat pelaksanaan pembangunan profesional di daerah belum banyak terlaksana kerana panduan pelaksanaan pembangunan profesional guru dalam mempertingkatkan profesionalnya masih kurang, begitu pula guru seni budaya belum menunjukkan kemahiran

pengajaran yang berkesan dalam mengaplikasikan kemahiran dalam mengajar (Dwidjowinoto, 2010).

Oleh itu, diperlukan sebuah model pembangunan profesional dengan peningkatan kecekapan guru seni budaya pada pengajaran seni budaya yang berkesan dan mampu menangkap peluang pembangunan seni sekaligus menjaga keluhuran budaya yang kesemuanya termasuk dalam pengajaran seni budaya pada Sekolah Menengah Pertama di Bandar Makassar.

1.7 Kepentingan Kajian

Secara umum, kajian ini mempunyai beberapa kepentingan yang dapat dijadikan panduan oleh guru-guru seni budaya dalam upaya mempertingkatkan kecekapan dalam pembangunan profesional hingga boleh menjadi guru yang profesional dan berkualiti. Begitu pula kepentingan bagi pengetua sekolah dan pejabat pendidikan serta kepentingan penyelidik berikutnya. Kepentingan kajian ini sebagai berikut:

1.7.1 Guru Seni Budaya

Kajian ini akan berfaedah bagi guru SMP Kebangsaan Bandar Makassar khususnya guru seni budaya dalam mempertingkatkan kecekapan profesionalnya dan boleh memahami karakteristik kecekapan profesional yang dimiliki. Dengan kefahaman ini akan membangun kesedaran untuk membangunkan kecekapan profesionalisme guru dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya.

1.7.2 Pengetua Sekolah

Kajian ini dapat memberikan maklumat yang berguna kepada pengetua sekolah bagi mengambil langkah-langkah yang wajar dalam hal kesejahteraan guru dan pembangunan kecekapan, agar guru-guru dapat bekerja dengan ikhlas dan cemerlang.

1.7.3 Pejabat Pendidikan

Pejabat Pendidikan, akan mempunyai formulasi dalam merancang polisi yang lebih baik dalam hal peningkatan kebolehan intelek, kecerdasan emosional dan spiritual, yang berasaskan pada pembelajaran seni budaya, disamping mempunyai peranti guna menolak kehadiran budaya yang menjejaskan budaya tradisional.

Pada kajian ini pula dapat menjadi pengetahuan dalam pengambilan keputusan sama ada tingkat pusat/daerah mahupun tingkat sekolah. Selain itu, kajian ini juga dapat menjadi bahan masukan kepada pihak Kerajaan dalam hal ini Pejabat Pendidikan sama ada negeri mahupun daerah atau bandar bagi menggunakannya sebagai panduan dan bahan rujukan.

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Skop kajian merujuk pada populasi kajian yang hendak di kaji oleh penyelidik (Sabitha, 2009). Dalam penyelidikan ini penetapan skop kajian yang akan dijalankan iaitu untuk menyatakan batasan konteks bagi kefahaman mengenai fokus penyelidikan yang dikaji. Skop kajian diertikan bagi memberikan arahan pada penyelidikan dalam menetapkan sampel dan data untuk memenuhi segala kepentingan penyelidikan. Oleh itu, skop dalam penyelidikan pembangunan profesionalisme guru ini dihadkan kepada sampel, instrumen, dan data analisis.

1.8.1 Sampel Kajian

Menurut Sabitha (2009) matlamat persampelan adalah bagi memperolehi sampel yang mencerminkan ciri-ciri kewakilan daripada segi tujuan kajian. Oleh itu, dalam menentukan sampel kajian, penyelidik menggunakan persampelan bertujuan oleh kerana untuk mencapai keterwakilan. Seseorang atau sebuah kumpulan dipilih sebagai peserta kerana penyelidik menganggap bahawa orang atau kumpulan berkenaan memiliki kapasiti bagi memberi maklumat dan data yang penting sesuai penyelidikan yang dijalankan (Denzin dan Lincoln, 2000). Justeru itu, peserta dipilih berasaskan kepada penilaian penyelidik. Sampel dalam kajian ini adalah guru seni budaya SMP Kebangsaan di Bandar Makassar, pengetua-pengetua SMP Kebangsaan, dan penyelia daripada diknas khas penyeliaan guru seni budaya. Selanjutnya, kajian ini akan membabitkan guru seni budaya SMP Kebangsaan yang ada di Bandar Makassar untuk dijadikan sebagai peserta kajian bagi pelaksanaan pemerhatian, temubual, dan pendokumenan pada lawatan sekolah dan lawatan bilik darjah.

Kajian ini menyiasat tentang pembangunan profesional guru seni budaya yang meliputi sejumlah upaya untuk boleh mempertingkatkan kecekapan guru dalam pembangunan profesionalnya. Upaya mempertingkatkan kecekapan dalam pembangunan profesional guru seni budaya dengan melalui beberapa latihan dalaman iaitu pelatihan dalam-perkhidmatan dan penyeliaan serta yang termasuk pelatihan-pelatihan lain dalam membangunkan profesionalisme guru seni budaya.

1.8.2 Instrumen Kajian

Terdapat tiga jenis instrumen yang digunakan dalam menghasilkan data lapangan pada kajian ini iaitu soal selidik temubual, senarai pemerhatian dan dokumen. Soal selidik temubual dapat dilihat pada lampiran H dan lampiran I, senarai temubual dapat dilihat pada lampiran J.1, senarai instrumen pemerhatian dan memo yang digunakan penyelidik dapat dilihat pada lampiran J.2, dan senarai instrumen penyelidikan dokumen dapat dilihat pada lampiran J.3.

1.8.3 Analisis Kajian

Menurut Dayang dan Abdul Hafidz (2009), proses analisis adalah bergantung kepada persoalan-persoalan kajian, keperluan-keperluan dalam menggunakan maklumat atau dapatan yang penyelidik perolehi daripada sumber-sumber yang digunakan dalam kajian. Analisis data dimaksudkan adalah proses mengkaji secara menyeluruh dalam bentuk sederhana agar lebih mudah difahami dan dianalisis. Oleh itu, data yang sedia ada daripada pelbagai sumber seperti hasil temubual, pemerhatian, pendokumenan, dan data-data lapangan lainnya dianalisis dengan mereduksi data, pembahagian kepada kategori, mensintesis, menyusun, maklum balas dan pemeriksaan kesahihan data.

1.9 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori adalah merupakan suatu konsep yang mempunyai hubungan atau pembolehubah utama yang difikirkan dan saling berkaitan satu sama lain dengan fenomena-fenomena yang akan diselidiki oleh penyelidik (Lim, 2007; Sabitha, 2009).

1.9.1 Teori Pembangunan Guru

Kerangka teori dalam kajian ini adalah Teori Pembangunan Guru (Fuller, 1969; Fuller dan Brown, 1975). Menurut Fuller (1969), teori pembangunan guru disediakan model tiga fasa iaitu; pra-pengajaran, pengajaran awal, dan pengajaran berterusan. Fasa satu: guru-guru mengalami kebimbangan tentang apa yang difikirkan dan bagaimana dalam pengajaran. Dalam pra-pengajaran, guru-guru belum boleh menentukan apa yang semestinya dijalankan, kerana masih adanya kebimbangan dalam dirinya (Fuller, 1969). Menurut Fuller (1969) bahawa kebimbangan menjadi suatu model yang telah banyak digunakan dalam institusi pendidikan guru sebagai ilustrasi berbagai tahap pembangunan profesional guru.

Oleh kerana adanya kebimbangan, guru sentiasa berfikir dengan kemampuan diri dalam mengelola tugas proses pengajaran dan pembelajaran hingga pengaruhnya kepada pelajar.

Fasa Dua: Pengajaran awal, selepas kebimbangan diri, fasa pengajaran awal termasuk kebimbangan dalam tugas mengajar, ertinya guru mesti bermula memberi tumpuan dalam menjalankan tugas mengajar di persekitaran sekolah dan boleh mendapati pelbagai sokongan-sokongan daripada kaki tangan di sekolah. Kebimbangan guru pada pengajaran awal ini merupakan kebimbangan guru dalam menunjukkan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dan akan menunjukkan diri sebagai seseorang guru yang profesional. Oleh kerana, guru akan menunjukkan kebolehan diri dalam pengajaran secara terang-terangan dalam bilik darjah (Fuller, 1969). Namun, kebimbangan pengajaran awal diklasifikasikan sebagai rahsia oleh kerana guru hanya menyatakan dalam semasa hubungan sulit. Para guru masih bimbang tentang perkara yang telah diketahui, bimbang tentang bagaimana menjangkakan yang benar atau membenarkan ketika guru tidak berjaya menghadapi yang sedang dinilai (Fuller, 1969).


Fasa Tiga: Kesan Kebimbangan keperluan pelajar, selepas pengajaran awal, akan diperolehi adanya kesan kebimbangan keperluan pelajar. Kesan kebimbangan berkaitan dengan kebolehan seseorang guru membuat perbezaan berjaya atau tidaknya dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada pelajar. Kejayaan keputusan dalam pencapaian pelajar menjadi pengukur bagi kejayaan guru. Menurut Fuller (1969) bahawa pada fasa kesan kebimbangan ini, guru-guru mesti mempunyai kebolehan memahami tentang: (1) kebolehan pelajar, (2) objektif pengajaran yang ditetapkan, (3) menilai kejayaan pelajar dan (4) menilai diri melalui kejayaan pelajar (Fuller, 1969).

Seterusnya teori pembangunan guru menurut Fuller dan Brown (1975) merupakan semakan daripada teori pembangunan guru menurut Fuller pada tahun 1969. Fuller dan Brown (1975) telah mengenalpasti kebimbangan guru iaitu; (1) kebimbangan hidup yang ertinya kebimbangan seseorang tentang kebolehan hidup sebagai seseorang yang berprofesion guru. Dalam kebimbangan ini, akan memberi tumpuan terhadap kebolehan mengawal di dalam bilik darjah, kebolehan dalam

pengajaran untuk boleh disenangi pelajar, dan kebolehan dalam mesyuarat dengan adanya kelulusan penyelia. (2) kebimbangan keadaan pengajaran yang ertinya kebimbangan terhadap bilangan pelajar yang akan dihadapi dalam bilik darjah, keterbatasan masa yang telah ditetapkan, kurangnya bahan-bahan yang diperlukan, dan faktor-faktor kepada situasi yang lain. (3) kebimbangan kepada pelajar yang ertinya kebimbangan akan keperluan-keperluan pelajar yang diperlukan masa proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dan emosi pelajar yang mungkin dipaparkan (Fuller dan Brown, 1975). Selari dengan kebimbangan menurut Angelfire (2013) bahawa adanya kebimbangan mengenai kurikulum yang akan diajarkan kepada pelajar, bagaimana arahan yang akan dijalankan dan boleh adil kepada pelajar.

Teori pembangunan guru oleh Fuller (1969) yang berterusan Fuller dan Brown (1975) ini memberatkan kepada adanya kebimbangan-kebimbangan guru. Kebimbangan yang terjadi terhadap guru itu sendiri akan membuat ianya boleh timbul semangat dalam membangunkan apa yang telah difikirkan. Sama halnya dengan guru seni budaya, dengan adanya kebimbangan dalam diri guru seni budaya, akan timbul idea-idea bagi membangunkan dirinya. Kemudian kebimbangan dalam pengajaran. Sebagai seseorang guru seni budaya, ianya akan selalu berupaya mencari cara dalam mempertingkatkan kebolehan-kebolehan mengenai pengajaran dan pembelajaran seni budaya yang akan dihadapi dalam bilik darjah. Begitu pula kebimbangan terhadap pelajar, dengan adanya kebimbangan itu, guru seni budaya akan membekalkan diri dengan memperbaiki terlebih dahulu kebolehan dan kemahiran bagi menghadapi keperluan-keperluan pelajar yang mungkin akan dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran seni budaya dalam bilik darjah. Hingga seseorang guru seni budaya dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran seni budaya di dalam bilik darjah boleh terlaksana bersesuaian apa yang telah dijangkakan.

Berasaskan daripada huraian di atas, sama ada mengenai pembangunan guru oleh Fuller (1969) mahupun oleh Fuller dan Brown (1975), boleh ditunjukkan kerangka teori kajian pada Rajah 1.1 di bawah.



Rajah 1.1: Kerangka Teori Kajian

Huraian tentang teori pembangunan guru Fuller (1969) dan Fuller dan Brown (1975) telah didedahkan di atas. Adapun mengenai huraian seterusnya tentang pra-perkhidmatan, dalam-perkhidmatan, penyeliaan dan yang termasuk kecakapan guru iaitu; kecekapan pedagogi, keperibadian, profesional dan sosial terdapat pada penjelasan di bawah.

1.9.2 Pra-perkhidmatan (*Pre-service*)

Pra-perkhidmatan berfungsi sebagai aspek penting pada persiapan guru, kerana boleh memberikan kesempatan pada guru untuk mengenal pelbagai jenis aktiviti yang akan dijalankan di sekolah (Ogonor dan Badmus, 2006; Allen, 2010; Watson, 2011). Aspek yang demikian diperkenalkan pada guru untuk melakukan tanggungjawab mengajar di dalam bilik darjah. Mengikut Allen (2010) dan Yusuf (2010), program pelatihan pra-perkhidmatan ini menggambarkan bahawa guru akan mendapat wawasan baru tentang kaedah pengajaran dalam bilik darjah dan boleh berfaedah bagi sekolah. Oleh yang demikian, perlunya pelaksanaan pra-

perkhidmatan pada guru seni budaya yang bermula dalam mempersiapkan diri untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab di dalam bilik darjah. Pelatihan yang dijalankan boleh membantu guru seni budaya dalam memahami strategi pendidikan, pendekatan psikologis, metod pengajaran dan teknik intruksional untuk mempertingkatkan kecekapan profesional serta kemahiran secara real (Yusuf, 2010).

Pra-perkhidmatan guru mempunyai peranan yang sangat penting pada kemahiran guru seni budaya dalam mengajar dan sebagai pengalaman awal di lapangan serta berfungsi sebagai puncak daripada proses pendidikan guru. Menurut Fuller (1969) dan Yusuf (2010), bahawa pra-perkhidmatan guru sangat berfaedah dalam membantu mempertingkatkan kemahiran mengajar dan boleh memberikan pengalaman terbaik dalam pendidikan guru serta mempengaruhi prilaku perspektif guru di dalam bilik darjah. Menurut Craff (2000) bahawa membangunkan profesional guru merupakan bentuk pembelajaran yang dijalankan oleh guru selepas mengikuti pra-perkhidmatan. Oleh itu, perlunya pelaksanaan pra-perkhidmatan pada guru seni budaya sebagai awal untuk boleh menambah pengetahuan dan pengalaman sebagai guru seni budaya. Pra-perkhidmatan dirancang untuk memberikan kesempatan dan bantuan kepada calon guru di persekitaran luar sekolah dalam membangunkan kecekapan profesional, karakteristik pribadi, pemahaman, pengetahuan, dan kemahiran guru (Yusuf, 2010).

Berhubungkait di atas, pra-perkhidmatan untuk profesionalisme guru seni budaya sangat penting dalam kajian ini kerana terdapat beberapa perkara yang mesti dimiliki oleh guru seni budaya dalam pembangunan profesionalismenya. Ini kerana, pra-perkhidmatan sangat ketara dalam mempertingkatkan kebolehan pengajaran guru seni budaya di dalam bilik darjah. Oleh itu, dengan adanya pra-perkhidmatan boleh dilihat kebolehan amalan mengajar, kemahiran dan kecekapan guru seni budaya menjalankan aktiviti pengajaran dalam menjalankan tugas, strategi mengajar seni budaya di dalam bilik darjah, dan kaedah pengajaran seni budaya.

1.9.3 Dalam-perkhidmatan (*In-service*)

Peningkatan pengetahuan dan kemahiran pada profesional guru seni budaya menjadi penting bagi kerajaan, oleh itu kerajaan menyediakan program dalam bidang pendidikan iaitu dalam-perkhidmatan. Menurut Ashar Bin Muhammad *et al.* (2007) dan Hazri Jamil *et al.* (2007) bahawa dalam-perkhidmatan dirancang untuk memberikan pelatihan kepada guru hingga boleh mempertingkatkan kemahiran profesional dan kecekapan akademik serta profesional guru dalam bidang masing-masing. Krull (2001), Friedman dan Phillips (2004), Ashar Bin Muhammad *et al.* (2007) dan Firman (2008) mengesahkan bahawa guru bertanggung jawab melaksanakan dalam-perkhidmatan pelatihan kerana memerlukan keahlian untuk menyokong guru pada pembangunan profesional dan menjadi strategi utama dalam mempertingkatkan kemahiran profesional guru. Oleh itu, dampak daripada program pelatihan dalam-perkhidmatan guru seni budaya boleh menandakan peningkatan kecekapan profesionalisme guru seni budaya.

Guru dianggap sebagai salah satu faktor kunci dalam kejayaan pendidikan. Oleh itu, dalam-perkhidmatan guru mesti memainkan peranan penting dalam memperbaharui pengetahuan guru dan kemahiran untuk membaiki berterusan dalam kualiti pendidikan (Hendayana, 2007). Mengikut Fuller dan Brown (1975) dan Tan Huileng (2007), dalam-perkhidmatan merupakan pelatihan yang dilaksanakan untuk mendapatkan faedah pelaksanaan pada pembangunan profesional guru yang berkesinambungan. Oleh itu, dalam-perkhidmatan merupakan alat untuk membantu guru seni budaya bagi mempertingkatkan kecekapan sama ada dalam hal pengetahuan mahupun dalam hal kebolehan dan kemahiran.

Kajian ini melihat aspek pelatihan guru seni budaya dapat mempertingkatkan kecekapan dan kemahiran di kalangan para guru. Oleh itu, dalam-perkhidmatan menyokong guru seni budaya kepada pembangunan profesional dan merupakan strategi utama yang harus dimiliki guru seni budaya. Tanpa bermula pra-perkhidmatan, dalam-perkhidmatan, guru seni budaya tidak akan mendapat faedah daripada pelaksanaan pembangunan profesionalisme guru seni budaya yang berkesinambungan. Pelatihan dalam-perkhidmatan yang dijalankan guru seni budaya, boleh mempertingkatkan kecekapan pada guru seni budaya.

1.9.4 Penyeliaan (*Supervision*)

Menurut Bafadal (2004), Glickman (2004) dan Nutcharat (2011), penyeliaan merupakan upaya yang boleh dilakukan oleh pengetua sekolah atau penyelia daripada diknas bandar dalam rangka peningkatan kebolehan profesional guru yang dipimpinya, khasnya guru pendamping dalam bilik darjah (wali kelas), guru mata pelajaran seni budaya dan guru mata pelajaran lainnya. Oleh itu, penyeliaan boleh dianggap salah satu pembangunan profesional guru khas guru seni budaya dan termasuk program yang mesti dilalui guru seni budaya dimana ianya bertugas. Menurut Bafadal (2004) bahawa penyeliaan pendidikan mempunyai tiga fungsi iatu pembangunan, motivasi, dan kawalan.

Diteruskan bahawa, fungsi pembangunan bererti pelaksanaan penyeliaan yang boleh mempertingkatkan kemahiran guru dalam mengelola proses pembelajaran, fungsi motivasi bererti pelaksanaan penyeliaan yang boleh membangunkan motivasi kerja guru, fungsi kawalan bererti penyeliaan yang mengawal pelaksanaan tugas-tugas guru (Bafadal, 2004). Oleh itu, bagi mengetahui kekurangan dan kelebihan guru seni budaya dalam melaksanakan tugas, perlu ada penyeliaan, sama ada berupa penyeliaan di dalam bilik darjah mahupun penyeliaan kumpulan. Pelaksanaan penyeliaan kepada guru seni budaya akan dilihat peningkatan kecekapan yang dibangunkan guru seni budaya iaitu; kawalan, motivasi, dan pembangunan kemahiran.

1.9.5 Kecekapan Guru

Berasaskan hal di atas, arah dan matlamat penyelidikan tersebut akan mengkaji kecekapan guru seni budaya pada Sekolah Menengah Pertama (SMP) di Bandar Makassar. Kecekapan guru seni budaya tidak boleh lepas daripada empat kecekapan iaitu kecekapan pedagogi, keperibadian, sosial, dan profesional. Peningkatan kecekapan pengetahuan dan kemahiran pada profesional merupakan bahagian yang fundamental bagi seseorang guru seni budaya dalam menjalankan

tugas dan kewajibannya sebagai guru, oleh itu kerajaan menyediakan program pelatihan-pelatihan yang di kenali sebagai pelatihan dalam-perkhidmatan.

Profesionalisme dan kecekapan guru seni budaya merupakan bahagian kesatuan yang saling menyokong dalam peningkatan prestasi belajar siswa, sehingga kecekapan menjadi bahagian penting bagi seorang guru seni budaya. Kecekapan bagi guru seni budaya boleh terus dipertingkatkan dengan menguasai beberapa item iaitu, kecekapan dalam pedagogi dalam hal ini kebolehan pengetahuan, kemahiran, sikap, sosial, dan profesional, kesemua itu boleh menjadi garis panduan bagi guru untuk penguasaan dalam membangunkan aktiviti praktisi di hadapan. Oleh itu, kecekapan merupakan suatu kebolehan yang dimiliki oleh guru seni budaya dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya.

Mengikut dalam UU tentang guru dan pensyarah Nombor 14 tahun 2005 pasal 10 ayat 1 disebutkan bahawa “kecekapan adalah seperangkat pengetahuan, kemahiran, dan prilaku yang mesti dimiliki, dihayati dan dikuasai oleh guru atau pensyarah dalam melaksanakan tugas keprofesionalannya”. Kecekapan guru yang dimaksud dikelompokkan ke dalam empat bahagian iaitu kecekapan pedagogi, keperibadian, sosial dan profesional. Kecekapan pedagogi, iaitu guru seni budaya mesti boleh mendidik pelajar agar menjadi manusia Indonesia sesuai dengan matlamat pendidikan nasional, kecekapan kepribadian iaitu, guru seni budaya boleh mendidik pelajar menjadi manusia yang berkeperibadian nasional Indonesia, sedang kecekapan sosial iaitu, guru seni budaya boleh mendidik pelajar menjadi manusia Indonesia yang mempunyai kepedulian sosial, serta kecekapan profesional iaitu, guru seni budaya boleh melaksanakan tugasnya mendidik pelajar secara profesional.

Upaya yang melalui pelbagai pelaksanaan pembangunan profesional akan melahirkan guru seni budaya yang mempunyai penguasaan pengetahuan, kemahiran, keperibadian, hingga peningkatan kecekapan dijangkakan oleh guru seni budaya boleh berjaya dan menjadi guru yang profesional. Sebagaimana dalam kajian Slamet (2002), Dantes (2007) dan Agung (2008, 2011) bahawa guru mesti mempunyai kecekapan dan membangunkan pengetahuan dan kemahiran secara berterusan. Seterusnya bahawa guru seni budaya perlu pula belajar teknologi untuk boleh secara

betul menggunakan peralatan dan sumber daya, proses, dan menilai maklumat dari pelbagai media hingga kemahiran dan kecekapan boleh meningkat.

Pembangunan profesional guru seni budaya sepatutnya dibuatkan program bagi membangunkan kecekapan, kebolehan dan kemahiran guru seni budaya untuk boleh menunjukkan keprofesionalan ianya dihadapan pelajar dalam bilik darjah. Mengikut Badan Standard Nasional Pendidikan tahun 2006 bahawa guru seni budaya mesti mempunyai minimum satu kebolehan tentang seni, iaitu: menggambar, menyanyi, menari dan kebolehan dalam melakonkan peranan dalam suatu pertunjukan (BSNP, 2006). Menurut Dwidjowinoto (2010) dan Suharto (2012) bahawa guru seni budaya perlu di berikan latihan-latihan yang berhubungkait dengan pengajaran seni budaya sebelum guru menjalankan tugas di sekolah. Sebagai seseorang guru seni budaya mesti mempunyai kecekapan dan kemahiran dalam mempertunjukkan seni yang diajarkan pada pelajar.

Oleh itu, seseorang guru seni budaya perlu menguasai empat kecekapan iaitu; kecekapan pedagogi ertinya penguasaan dalam mengelola pembelajaran kepada pelajar, mulai dalam penguasaan kepada karakteristik pelajar hingga melakukan tindakan reflektif bagi peningkatan kuaiti pengajaran, kecekapan keperibadian ertinya perbuatan-perbuatan guru dalam bersikap yang menunjukkan sikap yang boleh diteladani dan mempertunjukkan tanggungjawab yang tinggi terhadap tugas guru, kecekapan profesional ertinya penguasaan guru menjalankan tugasnya sebagai guru yang profesional dan dapat menunjukkan kebolehan keprofesionalannya serta membangunkan profesionalnya secara berterusan, dan kecekapan sosial ertinya hubungan baik guru dengan pemimpin, rakan mengajar dan masyarakat. Guru seni budaya perlu membangunkan kecekapan secara berterusan bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab menuju guru seni budaya yang profesional.

1.10 Definisi Istilah dan Operasional

Sesuai dengan arah penyelidikan yang bermatlamat bagi mengeksplorasi lebih mendalam lagi mengenai peningkatan kecekapan dalam pembangunan

profesionalisme guru seni budaya Sekolah Menengah Pertama di Makassar Indonesia. Matlamat daripada definisi istilah adalah untuk memperjelaskan istilah yang diasaskan pada definisi secara konsep.

1.10.1 Pembangunan Profesional

Marcelo (2009) menyatakan bahawa pembangunan profesional adalah proses yang dilakukan guru dalam membangun kebolehan profesional melalui pelbagai pengalaman. Mengikut Schlager dan Fusco (2003), pembangunan profesional adalah sebagai suatu proses pembelajaran sama ada untuk meletakkan pengetahuan dalam amalan melalui proses penglibatan dalam amalan di dalam komuniti pengamal. Pembangunan profesional terdiri daripada pengalaman belajar yang direka untuk membantu guru menjadi lebih berkesan. Mengikut Buczynski (2010) bahawa pembangunan profesional merupakan sebuah aktiviti yang dilakukan untuk membekalkan pengetahuan dan pengalaman para guru. Pembangunan profesional guru bagi menguasai pengetahuan secara mendalam mengikut bidang keahlian, kerana profesional guru secara ketara nampak daripada penguasaan ilmu di bidang tertentu (Hazri Jamil, *et al.* 2007; Hilferty, 2008).

Menurut Villegas-Reimers (2003) pembangunan profesional dalam erti luas merujuk pada perkembangan seseorang dalam peranan peribadinya, sama ada guru, peguam, jurutera atau doktor dan lain-lain. Mengikut Donnelly, Dove dan Morales (2002) berpendapat bahawa pembangunan profesional adalah salah satu isu utama dalam pengurusan sumber manusia dan pembangunan di bidang pendidikan sebagai polisi pendidikan ketika ini memerlukan pengurus pendidikan untuk memastikan pendidikan yang bermakna dan berkesan akan disampaikan kepada setiap warga negara dalam masyarakat.

Pembangunan profesional merupakan suatu penyerapan pengalaman belajar secara formal bagi memperluas kecekapan profesional guru iaitu pengetahuan, kemahiran keyakinan, dan motivasi (Richter *et al.*, 2011). Mengikut Hazri Jamil, *et al.* (2007) bahawa pembangunan profesional adalah sebagai alat untuk

mempertingkatkan profesion guru dengan menegaskan daripada kecekapan pedagogi, kepribadian dan sosial. Manakala menurut Camerino (2009) berpendapat bahawa pentingnya pembangunan profesional untuk dijalankan kerana pembangunan guru yang profesional merupakan kewajipan yang mesti dipenuhi para guru untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang telah dimiliki.

Guskey (2000, 2002) mendefinisikan bahawa pembangunan profesional sebagai suatu proses dan sekaligus produk dalam aktiviti-aktiviti yang direka bentuk untuk mengembangkan pengetahuan profesional, kemahiran dan sikap pendidik, dan seterusnya mereka pula dapat meningkatkan pembelajaran pelajar-pelajarnya (Guskey, 2000, 2002). Mengikut Taconis dan Sanden (2004), pembangunan profesional adalah proses pembelajaran kolaboratif seumur hidup yang memelihara pertumbuhan pendidik sama ada sebagai individu mahupun sebagai anggota pasukan bagi meningkatkan kemahiran dan kemampuan mereka dan fokus kepada pembangunan profesional bagi meningkatkan pembelajaran pelajar.

Oleh itu, dalam kajian ini penyelidik menyimpulkan bahawa pembangunan profesional guru sebagai suatu proses dan sekaligus produk dalam suatu bentuk pendidikan atau pembelajaran guru serta upaya yang dilakukan guru selepas mengikuti latihan perkhidmatan bagi membina kecekapan pengetahuan, kemahiran, kebolehan dan sikap guru yang berlaku selepas guru memasuki profesion guru dengan matlamat bagi meningkatkan kualiti pengajaran dalam bilik darjah.

1.10.2 Pembangunan Profesional Guru

Pembangunan profesional guru merupakan proses yang dijalankan guru bagi mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran, dan kecekapan yang telah dimiliki (Guskey, 2000, 2002; Schlager dan Fusco, 2003; Taconis dan Sanden, 2004; Tinoca, 2006; Hazri Jamil, *et al.* 2007). Menurut Krull (2001), Bafadal (2004), Tan Huileng (2007), Firman (2008), Yusuf (2010), dan Nutcharat (2011) bahawa dalam mempertingkatkan profesional guru, beberapa hal boleh dilakukan iaitu;

1.10.2.1 Fasa Pra-perkhidmatan

Menurut Ogonor dan Badmus (2006), Kohler (2008) dan Watson (2011) mendedahkan bahawa pra-perkhidmatan merupakan suatu perkhidmatan yang dijalankan calon guru semasa belum menjalankan tugas sebagai guru di persekitaran sekolah. Oleh yang demikian, perlu adanya pra-perkhidmatan yang dijalankan calon guru seni budaya semasa ianya belum menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dalam pengajaran seni budaya di dalam bilik darjah. Program pra-perkhidmatan yang telah dijalankan guru akan menjadi sesebagai persiapan dan guru boleh mendapatkan wawasan tentang kaedah pengajaran setelah ianya menjalankan tugas (Yusuf, 2010).

1.10.2.2 Fasa Dalam-perkhidmatan

Menurut Wahyudi dan Treagust (2004) dan Singh (2008) bahawa pelaksanaan dalam-perkhidmatan merupakan salah satu wadah pembangunan profesional guru bagi memahami dan mencerminkan tugas pembelajaran guru dalam bilik darjah. Oleh itu, meningkatkan pengetahuan, kemahiran, dan kedudukan guru merupakan salah satu langkah yang paling penting bagi meningkatkan prestasi pelajar (King dan Newmann, 2001). Pelaksanaan dalam-perkhidmatan guru termasuk salah satu cara berkesan yang boleh menyebabkan perubahan terhadap sikap guru dalam proses pembelajaran dan pengajaran (Barros dan Elia, 1998; Friedman dan Phillips, 2004). Oleh itu, seorang guru seni budaya perlu selalu mengikuti dalam-perkhidmatan hingga boleh meningkatkan kecekapan, pengetahuan dan kemahiran dalam mengajarkan pembelajaran seni budaya secara profesional.

1.10.2.3 Fasa Penyeliaan

Penyeliaan adalah sesuatu aktiviti yang dilakukan pengetua sekolah atau penyelia kepada guru untuk mengenal pasti sejauh mana kerjaya guru dalam tugasnya (Bafadal, 2004; Glickman, 2004; Nutcharat, 2011). Penyeliaan yang

dijalankan penyelia, akan boleh meningkatkan kebolehan profesional guru selepas diberikan perbaikan-perbaikan dan boleh meningkatkan kemahiran guru dalam mengelola proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, penyeliaan juga boleh membangunkan motivasi kerja guru (Mantja, 2002; Bafadal, 2004). Oleh itu, penyeliaan termasuk aktiviti yang dijalankan penyelia untuk boleh mengenal pasti kekurangan dan kelebihan guru kepada pelaksanaan tugasnya.

Ketiga huraian di atas iaitu: pra-perkhidmatan, dalam-perkhidmatan dan penyeliaan termasuk proses yang boleh dilalui guru seni budaya dalam membangunkan profesionalnya. Dengan melalui ketiga proses di atas, guru seni budaya boleh mendapat perubahan dan peningkatan kecekapan, pengetahuan, kebolehan dan kemahiran dalam mengelola proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

1.10.3 Kecekapan Guru

Menurut Sudjatmiko (2004) dan Selvi (2010), kecekapan adalah pengetahuan, kemahiran, sikap, nilai-nilai, motivasi dan keyakinan orang yang diperlukan untuk menjadi sukses dalam pekerjaan guru pada masa hadapan. Mengikut Ogienko dan Rolyak (2009), kecekapan adalah bulatan kebolehan pengetahuan, kemahiran yang memberikan garis panduan guru pada penguasaan dalam membangunkan aktiviti pratikal. Taconis dan Sanden (2004), Dantes (2007) dan Dantas (2009) menyatakan bahawa kecekapan merupakan konsep daripada pusat pendidikan yang berasaskan program sekolah dengan kecekapan prilaku, pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan. Oleh itu, untuk mempertingkatkan kecekapan guru seni budaya yang berkualiti tidak boleh terlepas dari program sekolah yang menuntut tentang pengetahuan, kemahiran, nilai-nilai yang berhubungkait dengan tugas dan tanggungjawab guru seni budaya dalam kehidupan seharian.

Berasaskan Undang-Undang Guru dan Pensyarah Nombor 14 tahun 2005 tentang guru dan pensyarah bahawa “ kecekapan adalah seperangkat pengetahuan,

kemahiran, dan prilaku yang mesti dimiliki, dihayati dan dikuasai oleh guru atau pensyarah dalam melaksanakan tugas keprofesionalannya”. Kecekapan boleh diertikan sebahagian keutuhan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang berwujud daripada tindakan kecerdasan yang penuh dengan tanggungjawab dalam menjalankan tugas pada pengajaran dan pembelajaran. Kecekapan merupakan hal yang mesti dimiliki oleh setiap guru dalam peringkat pendidikan manapun (UUGP, 2005). Kecekapan-kecekapan tersebut iaitu; kecekapan pedagogi, kecekapan keperibadian, kecekapan profesional, dan kecekapan sosial.

1.10.3.1 Kecekapan Pedagogi

Kecekapan pedagogi adalah kecekapan yang didalamnya terdapat pelbagai penguasaan-penguasaan dan kebolehan yang mesti dimiliki oleh guru atau sejumlah kebolehan yang berhubung kait dengan seni mengajar kepada pelajar iaitu: penguasaan tentang karakteristik pelajar dari aspek fisik, moral, sosial, kultural, dan intelektual, penguasaan tentang teori belajar dan prinsip-prinsip pembelajaran mendidik, kebolehan menyelenggarakan kegiatan pembangunan yang mendidik, kebolehan memanfaatkan teknologi informasi dan komunikasi untuk kepentingan aktiviti pembangunan mendidik, kebolehan membangunkan kurikulum yg terkait dengan bidang pembangunan yang diajarkan, kebolehan memfasiliti pembangunan potensi peserta didik yang dimiliki, kebolehan menyelenggarakan penilaian dalam proses dan hasil belajar, kebolehan berkomunikasi secara efektif, empati dan santun pada pelajar, kebolehan dalam memanfaatkan hasil evaluasi dan hasil penilaian untuk kepentingan pembelajaran, kebolehan dalam menjalankan tindakan reflektif bagi meningkatkan kualiti pembelajaran (UUGP, 2005; Permendiknas, 2007).

Kecekapan pedagogi berasaskan Departemen Pendidikan Nasional Indonesia (2004) bahawa kecekapan pedagogi sama halnya dengan kecekapan dalam pengelolaan proses pembelajaran. Kecekapan ini boleh dilihat kebolehan dalam merancang program pembelajaran dan pengajaran, kebolehan dalam menjalankan interaksi, dan kebolehan melakukan penilaian. Oleh itu, guru sepatutnya mempunyai kebolehan-kebolehan sebagai berikut; penguasaan pada landasan mengajar,

menguasai ilmu dalam mengajar, mengenali para pelajar, menguasai teori motivasi, mengenali persekitaran masyarakat, menguasai penyusunan kurikulum, dan menguasai pengetahuan evaluasi pembelajaran.

1.10.3.2 Kecekapan Keperibadian

Kecekapan keperibadian adalah sesuatu yang mesti dimiliki oleh seseorang guru dalam bertindak iaitu; bertindak sesuai dengan norma-norma agama, berpenampilan sebagai peribadi yang jujur, bersikap dewasa, beribawa, dan boleh menunjukkan etos kerja serta tanggungjawab yang tinggi (UUGP, 2005; Permendiknas, 2007). Seseorang guru perlu pula mempunyai pengetahuan mengenai adat resam baik sosial mahupun agama, mempunyai pengetahuan kebudayaan dan tradisi, mempunyai pengetahuan mengenai demokrasi, mempunyai apresiasi dan kesedaran sosial, mempunyai pengetahuan mengenai estetika, mempunyai sikap yang sebenar terhadap pengetahuan dan pekerjaan, dan setia kepada maruah dan martabat manusia.

Kecekapan keperibadian di dalam Peraturan Pemerintah nombor 19 tahun 2005 adalah kecekapan keperibadian yang mantap dan stabil, dan beribawa dapat menjadi teladan kepada pelajar (Permen No.19, 2005). Kecekapan keperibadian ini berhubung kait dengan perilaku-perilaku pribadi guru yang kelak mesti mempunyai nilai-nilai luhur yang ditunjukkan pada perilaku keseharian.

1.10.3.3 Kecekapan Profesional

Kecekapan profesional adalah kecekapan yang sepatutnya dimiliki oleh seseorang guru yang didalamnya terdapat beberapa hal yang mesti dikuasai iaitu: menguasai bahan ajar, menguasai keilmuan yang menyokong bahan ajar yang diajarkan, kebolehan dalam membangunkan bahan ajar yang diajarkan secara kreatif, dan dapat membangunkan keprofesionalan secara berterusan dengan menjalankan

tindakan reflektif serta kebolehan memanfaatkan teknologi informasi dan komunikasi bagi membangunkan diri (UUGP, 2005; Permendiknas, 2007). Kecekapan profesional juga meliputi; faham dan mempunyai kebolehan menerapkan asas kependidikan falsafah mahupun psikologi, faham dan boleh melaksanakan teori belajar sesuai dengan tahap perkembangan tingkah laku pelajar, mampu untuk mengendalikan bahan ajar atau bidang pengajian yang telah ditugaskan terhadapnya, faham dan boleh melaksanakan kaedah mengajar yang sepadan, dapat menggunakan perkakas dan kemudahan belajar, dapat mengatur dan melaksanakan program pengajaran, dapat menjalankan penilaian belajar, dan dapat menumbuhkan kepribadian pelajar.

Menurut Ogienko dan Rolyak (2009) kecekapan profesional adalah kebolehan dan kemahiran profesional keguruan dan penguasaan terhadap bidang pengajian dalam aktiviti yang dijalankan. Oleh itu, kecekapan profesional guru dapat diertikan bahawa sejumlah kecekapan yang berhubung kait dengan profesion yang menuntut pelbagai keahlian di bidang pendidikan atau di bidang keguruan. Kecekapan profesional merupakan kebolehan dasar guru dalam pengetahuan tentang belajar dan tingkah laku manusia, bahan ajar yang dibina, sikap yang tepat tentang persekitaran proses pembelajaran dan pengajaran dan mempunyai kemahiran dalam teknik mengajar.

1.10.3.4 Kecekapan Sosial

Kecekapan sosial adalah merupakan kecekapan yang berhubungkait dengan manusia yang ada di persekitaran. Kecekapan sosial ini di dalamnya iaitu: dapat berkomunikasi secara efektif, empatik, dan santun dengan sesama pendidik, orang tua dan masyarakat, dapat bersikap inklusif, bertindak objektif, serta tidak diskriminatif kerana pertimbangan jenis, agama, ras, kondisi fisik, latar belakang keluarga dan status sosial ekonomi, dapat beradaptasi ditempat tugas di seluruh wilayah Republik Indonesia yang mempunyai keragaman sosial budaya, dapat berkomunikasi dengan komuniti profesi sendiri dan profesi lain secara lisan dan tulisan atau bentuk lain (UUGP, 2005; Permendiknas, 2007). Kecekapan sosial guru

termasuk pula iaitu: kebolehan dalam berkomunikasi, bergaul dan melayani masyarakat dengan baik, menggalakkan dan menunjang kreativiti masyarakat, menjaga emosi dan tingkah laku kurang baik, dan meletakkan diri sesuai dengan tugas dan fungsinya baik di sekolah mahupun di persekitaran masyarakat.

Di dalam Peraturan Pemerintah No. 19/2005 bahawa kecekapan sosial adalah kebolehan guru untuk berkomunikasi dan bergaul secara efektif dengan pelajar, sesama rakan, tenaga kependidikan, orang tua pelajar dan masyarakat di persekitaran. Kecekapan sosial mencakup kebolehan bagi menyesuaikan diri kepada tuntutan kerja dan persekitaran pada masa menjalankan tugas sebagai guru (Permen No.19, 2005).

Oleh itu, dari keempat kecekapan yang sepatutnya dimiliki oleh guru ini, dapat disimpulkan bahawa seseorang guru yang telah mempunyai profesion sebagai guru seni budaya boleh terus membangunkan kecekapan, sama ada kecekapan pedagogi, kecekapan keperibadian, kecekapan profesional, mahupun kecekapan sosial serta membangunkan kemahiran dalam mengajarkan seni budaya yang telah dimiliki bagi mengikuti perkembangan zaman yang semakin laju seperti masa sekarang.

1.10.4 Guru Seni Budaya

Definisi guru ialah orang yang pernah memberikan suatu ilmu atau kemahiran kepada seseorang atau sekumpulan orang (Purwanto, 1994). Selain itu, guru juga didefinisikan sebagai orang-orang yang bertanggungjawab kepada perkembangan pelajar dengan mengupayakan perkembangan seluruh potensi pelajar, sama ada potensi afektif, kognitif mahupun psikomotorik (Tafsir, 1992; Hamalik, 2008; Darling-Hammond dan Baratz-Snowden, 2009).

Menurut Dwidjowinoto (2010), guru seni budaya mempunyai tugas dan tanggungjawab yang berat dalam pembangunan dan pembinaan kesenian kepada pelajar kerana pendidikan seni budaya merupakan sebahagian daripada pendidikan berasas budaya. Oleh kerana itu, pendidikan seni budaya mengarahkan kepada

pembentukan sikap kritis, apresiatif dan kreatif pada diri pelajar secara holistik (Lam, 2006; Dwidjowinoto, 2010). Manakala guru seni budaya yang dimaksud dalam kajian ini adalah guru yang mengajarkan bidang seni budaya yang di dalamnya mempunyai seni rupa, seni muzik, seni tari dan teater pada Sekolah Menengah Pertama (SMP) di Bandar Makassar Sulawesi Selatan Indonesia. Oleh itu, guru seni budaya yang profesional adalah tenaga pendidik yang mempunyai pengetahuan yang luas tentang pendidikan seni budaya dan penguasaan metodologi, ertinya memiliki konsep teoritik terhadap pengundian dan menggunakan metod mengajar daripada proses pembelajaran seni budaya (Lam, 2006; Dwidjowinoto, 2010). Oleh yang demikian, guru dijangka mempunyai kebolehan dalam ilmu seni budaya yang diajar dan mempunyai kebolehan teoritik tentang mengajar yang baik seperti; mulai dari perencanaan, implementasi sampai evaluasi dan mempunyai kesetiaan keguruan, yakni setia terhadap tugas-tugas keguruan (Rosyada, 2004; Harrell, 2007; Mohd Sahandri gani Hamzah, *et al.*, 2008).

Oleh itu, dalam kajian ini dapat dijelaskan bahawa guru seni budaya adalah pendidik profesional yang mempunyai latar belakang pendidikan seni budaya dengan tugas utama mendidik, mengajar, membimbing, mengarahkan, melatih, dan melakukan penilaian kepada pelajar pada bahan pelajaran seni budaya. Dalam hal ini, guru seni budaya boleh mengajarkan pendidikan seni budaya yang di dalam bahan ajarnya terdapat beberapa seni iaitu rupa, muzik, tari dan teater.

1.10.5 Sekolah Menengah Pertama (SMP)

Sistem pendidikan formal di Indonesia adalah pendidikan selama sembilan tahun pada pendidikan dasar yakni enam tahun di sekolah rendah yang disebut Sekolah Dasar (SD) *primary school* dan tiga tahun pada Sekolah Menengah Pertama (SMP) *junior high school*, seterusnya melanjutkan ke peringkat lebih tinggi tiga tahun ke Sekolah Menengah Atas (SMA) *senior high school* dan tiga atau empat tahun pendidikan pada Sekolah Menengah Vokasional (SMK). Seterusnya, pendidikan akademik dan profesional didapati pada jenjang pendidikan tinggi yang merupakan kelanjutan daripada pendidikan menengah atas.

Seterusnya, di dalam Peraturan Pemerintah Nombor 74 tahun 2008 Pasal 1 Ayat 16 dijelaskan bahawa SMP merupakan salah satu bentuk unit pendidikan rasmi yang menyelenggarakan pendidikan awam pada level pendidikan rendah iaitu level 7 hingga 9, sebagai lanjutan dari sekolah rendah (SD), madrasah ibtida'iah (MI) atau sebarang bentuk lain yang setaraf atau kesinambungan daripada hasil pembelajaran setara sama ada SD mahupun MI.

1.11 Penutup

Bab ini membincangkan latar belakang kajian tentang kompleks profesional guru pendidikan seni budaya di Indonesia dan fenomena kecekapan guru di sekolah, antaranya kecekapan guru didalam mengajar, penguasaan bahan ajar, serta input daripada guru profesional dan proses peningkatan kecekapan guru. Berkaitan dengan itu juga dibincangkan pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka kajian, rasional kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi istilah.

Pembahasan bab ini sebagai rujukan di dalam melakukan penyelidikan untuk mengkaji dua elemen di dalam mengenalpasti input daripada profesional guru dan proses peningkatan kecekapan guru seni budaya pada sekolah menengah pertama di Bandar Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Pembahasan seterusnya pada Bab 2 mengenai teori dan konsep tentang profesional guru (sorotan kajian) yang terdiri daripada pembangunan profesional, teori pembangunan profesional dan pembangunan profesional guru di Indonesia.

RUJUKAN

- Abbas, K. and Zainudin Bin Hassan (2014a). *The History of Teacher Education in Indonesian*. International Journal of Science Commerce and Humanities. Volume 2 No. 5, pp246-252.
- Abbas, K. and Zainudin Bin Hassan (2014b). *Integrated Learning Model Cultural-Art and Character Education*. International Journal for Innovation and Research. Vol. 2-08 pg. 01-06, 2014.
- Adey, P. (2006). "A Model for the Professional of Teachers of Thinking". Volume 1, Issue 1, 2006.
- Adler, P. A., and Adler, P. (2009). Teknik-Teknik Observasi (Dariyatno, B. S. Fata, Abi & J. Rinaldi, Trans.). In N. K. Denzin & Y. S. Lincoln (Eds.), *Handbook of Qualitative Research* (2nd ed., pp. 523-541). Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Agung, A. G. (2008). Pengembangan Kompetensi Guru dalam Upaya Meningkatkan Kemampuan Profesionalismenya. *Jurnal Pendidikan dan Pengajaran. Edisi Khusus. Undiksha*, 548-565.
- Agung, A. G. (2011). Pengembangan Model Peningkatan Profesionalisme Guru berkelanjutan Pasca Sertifikasi Melalui Pendekatan Pengayaan Berbasis Teknologi Informasi dan Komunikasi di Provinsi Bali. *Jurnal Penelitian dan Pengembangan Pendidikan. Undiksha*, 5(3), 377-395.
- Agusta, I. (2003). Teknik Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif. Makalah disampaikan dalam pelatihan metode kualitatif di Pusat Penelitian, Litbang Bogor.
- Ali, M. A. (2000). "Supervision for Teacher Development: an alternative model for Pakistan". International Journal of Educational Development, Vol. 20, pp. 177-188.

- Allen, K. P. (2010). *Classroom Management, Bullying, and Teacher Practice*. The Professional Educator. Volume 34, No. 1.
- Allen, S. J. (2007). *Adult Learning Theory & Leadership Development Leadership Review*, Kravis Leadership Institute, Claremont McKenna College, Volume 7.
- Allmark, P. (2004). *Should Research Samples Reflect the Diversity of the Population*. *Journal Med Ethic*, 30, 185-189.
- Amin Senin. (2008). *Pembangunan Profesional Guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ardipal. (2010). Kurikulum Pendidikan Seni Budaya Yang Ideal Bagi Peserta Didik di Masa Depan. *Jurnal Bahasa dan Seni Vol. 11 No. 1 Tahun 2010 (1-10)*.
- Avalos, B. (2011). *Teacher Professional Development in Teaching and Teacher Education Over Ten Years*. *Teaching and Teacher Education*. Volume 27, Issue 1, 2011, page 10-20.
- Ashar Bin Muhammad, Abdul Hafiz Bin Abdullah, Azmi Shah Bin Suratman, Kamarul Azmi Bin Jasmi, dan Mohd Ismail Bin Mustari. (2007). Tahap Profesionalisme Guru-guru Pelatih Pendidikan Islam Dalam Latihan Praktikum. (*Level of Professionalism Among Islamic Education Trainees in Practical Teaching*). Laporan Akhir Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia, 2007.
- Ayres, P., Sawyer, W., and Dinham, S. (2004). *Effective Teaching in The Context of a Grade 12 High-stakes External Examination in New South Wales, Australia*. *British Education Research Journal*, Volume 30, No. 1.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hasim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, dan Abdul Rahim Hamdan. (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori Analisis, dan Interpretasi Data*. Kualalumpur, Malaysia: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizuddin. (2009). Strategi Meningkatkan Profesionalisme Guru. *Article 2009*.
- Bae, J. H. (2004). *Learning to Teach Visual Arts in an Early Childhood Classroom: The Teacher's Role as a Guide*. *Early Childhood Education Journal*, Volume 31, No. 4,, 04.
- Bafadal, I. (2004). Peningkatan Profesionalisme Guru Sekolah Dasar. *Dalam Kerangka Manajemen Peningkatan Mutu Berbasis Sekolah*. Jakarta PT. Bumi Aksara.

- Bandem, I. M. (2008). *Performing arts of Indonesia (Performance Education and Archive)*. Article 2008.
